

**Bil. 7**

**Selasa  
20 Jun 1995**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN</b>	[Ruangan 1]
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	[Ruangan 18]
<b>USUL:</b>	
Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong — <i>Y. B. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong)</i>	[Ruangan 20]

---

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR  
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.  
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P.,  
D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S.,  
P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,  
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.  
(Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S.,  
D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN  
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,  
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN  
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.I., J.M.N.  
(Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,  
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH,  
D.P.M.P. (Gopeng).

- Yang Berhormat Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titawangsa).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH (Besut).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI AFDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULO BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).

Yang Berhormat DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).

- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ TUAN CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- „ TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).

Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOHNITY @ MAXIMUS BIN ONGKILI (Bandau).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR L. KRISHNAN (Teluk Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- „ PUAN G. LEELAVATHI (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).

Yang Berhormat TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).

- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- „ TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- „ DR NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Bagan).
- „ TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,  
B.C.K., P.J.K. (Bangan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABDUL KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- „ DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- „ PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).
- „ DR TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR TAN YEE KEW (Kelang).

---

Yang Berhormat MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P.,  
S.P.M.S. (Gua Musang).

- .. TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- .. WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- .. WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- .. TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- .. TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- .. TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- .. DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- .. DR YAN YIT THONG (Lumut).
- .. DR YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- .. TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- .. TUAN YUNOF MARINGKING (Tuaran).
- .. TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- .. DR HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- .. TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- .. TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

---

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,  
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik.
- Pemangku Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.  
: Haji Suhor bin Husin.  
: Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.  
: Hajah Supiah binti Dewak.  
: Ismail bin Haji Hassan.  
: Hajah Kalsom binti Ghazali.  
: Mohamed bin Osman.  
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani.  
: Zaharah binti Naim.  
: Norwahidah binti Azizi.  
: Rozita binti Abd. Samad.  
: Jainah binti Sakimin.  
: Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

**CAWANGAN BENTARA**

- Bentara Mesyuarat : Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul  
Mutalib

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Selasa 20hb Jun 1995

*Mesyuarat dimulakan pada  
pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)*

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PROGRAM PEMBANGUNAN  
RAKYAT TERMISKIN**

1. **Dato' Haji Abu Dahari bin Osman** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan berapakah bilangan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) bagi tiap-tiap negeri di Malaysia. Bagi mereka yang telah melepasi taraf kemiskinan ini, berapakah bilangan dan pendapatannya sekarang.

**Menteri Pembangunan Luar Bandar (Dato' Haji Annuar bin Haji Musa):** Tuan Yang di-Pertua, terdapat sedikit kesamaran dalam soalan ini, walau bagaimanapun saya mengandaikan apa yang dimaksudkan dalam soalan ini ialah jumlah peserta PPRT bagi tiap-tiap negeri di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peserta PPRT bagi seluruh negara pada masa ini ialah seramai 114,670 mengikut banciaan isi rumah:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Isi Rumah</i>
Johor	3,636 orang
Kedah	13,480 orang

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Isi Rumah</i>
Kelantan	23,567 orang
Melaka	1,679 orang
Negeri Sembilan	1,670 orang
Pahang	3,513 orang
Pulau Pinang	3,034 orang
Perak	7,915 orang
Perlis	1,405 orang
Selangor	2,619 orang
Terengganu	10,088 orang
Wilayah Persekutuan	800 orang
Kuala Lumpur	
Sarawak	16,169 orang
Sabah	16,795 orang
Wilayah Persekutuan	165 orang
Labuan	
Masyarakat Orang Asli	9,135 orang
<b>JUMLAH:</b>	<b>114,670 orang</b>

Ini berdasarkan kajian terbaru tahun 1993 dan angka-angka ini sedang disemak pada masa ini.

Sejak program ini mula dilaksanakan dalam tahun 1989 pelbagai program telah dijalankan bagi menyampaikan berbagai-bagai jenis bantuan termasuk projek-projek dalam bidang ekonomi, sosial, dalam bidang latihan dan beberapa projek-projek yang lain.

Bagi Semenanjung Malaysia, sehingga akhir tahun 1993, seramai 46,580 isi rumah telah dapat meningkatkan pendapatan mereka dan telah melepasi garis rakyat termiskin dan nama-nama mereka itu telah pun dikeluarkan dari Daftar Rakyat Termiskin. Jumlah pendapatan di kalangan mereka yang telah dikeluarkan daripada senarai rakyat termiskin adalah berbeza-beza mengikut jenis aktiviti dan perusahaan yang mereka ceburi.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan syabas kepada Menteri yang telah mempertingkatkan lagi bantuan PPRT kepada orang-orang miskin ini. Cuma saya ingin tahu kepada Yang Berhormat Menteri adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan taraf pendapatan kerana pada hari ini pendapatan RM175 ke bawah adalah dianggap sebagai rakyat termiskin. Tetapi kadang-kadang rakyat yang berpendapatan RM300 ke bawah pun dia termasuk golongan yang termiskin. Kadang-kadang kerana anak dia ada enam tujuh orang, tidak cukup untuk hendak sara keluarga. Jadi, bolehkah pihak kerajaan meningkatkan taraf pendapatan dari RM175 ke RM300 ke bawah untuk mereka ini dimasukkan di dalam golongan orang-orang yang termiskin?

Keduanya, kita berterima kasih banyak kepada kerajaan yang telah memberi bantuan perumahan tetapi bantuan perumahan hari ini yang diberi lebih kurang RM3,000 hanya boleh dibina rumah dengan tidak ada bilik. Jadi bila tidak ada bilik ini, Tuan Yang di-Pertua, keluarga itu emak bapa itu tidur dianjung sekali. Ini menjadi masalah kepada ibu bapa..... *(Ketawa)* Masalah domestiklah. Masalahnya, Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi bantuan untuk membina orang miskin di bawah PPRT ini supaya rumah ini ada bilik untuk keluarga, jadi tidaklah duduk atau tidur sekali dalam anjung rumah itu.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pentafsiran termiskin memang telah dinaikkan daripada RM175 kepada kira-kira RM200

sebulan. Walau bagaimanapun, ini sebenarnya bergantung kepada jumlah bilangan anggota keluarga kerana ada yang berpendapatan agak lebih sedikit tetapi kerana jumlah keluarganya yang terlalu ramai maka dianggap sebagai termiskin. Oleh sebab itu angka ini boleh dikaji dari masa ke semasa.

Mengenai rumah rakyat termiskin, sekarang ini diberikan bantuan RM3,000 bagi setiap buah rumah dan daripada rekod yang ada dengan kita RM3,000 masih mencukupi untuk membina rumah dengan satu bilik. Memang terdapat beberapa kawasan yang telah melaksanakan projek ini yang mana rumah dibina dengan dapat disediakan sekurang-kurangnya satu bilik.

Buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk menaikkan jumlah bantuan rumah PPRT ini sebaliknya kita sedang mengenal pasti langkah-langkah bagaimana dengan kos RM3,000, rumah yang lebih selesa dapat dibina. Misalnya antara 'option' yang sedang dipertimbangkan ialah menggalakkan badan-badan bukan kerajaan, badan-badan sukarela turut melibatkan diri membina rumah-rumah tersebut dan juga menggalakkan pembinaan rumah secara bergotong-royong.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jelas bahawa angka yang diperlihatkan menunjukkan bahawa Kelantan merupakan negeri yang memperolehi jumlah bantuan PPRT yang paling ramai, di mana 23,000 ketua rumah telah menikmatinya. Soalan saya, apakah faktor-faktor langsung dan tidak langsung yang menyebabkan Kelantan lebih ramai dan lebih banyak daripada negeri-negeri lain?

Soalan yang kedua ialah adakah kerajaan negeri memberikan kerjasama bagi ahli-ahli PPRT yang tidak mempunyai tanah untuk mendirikan rumah-rumah PPRT berkenaan?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Kelantan jumlah 23,000 keluarga termiskin ini adalah berpunca dari kurangnya peluang-peluang pekerjaan. Sebahagian besar daripada mereka adalah terdiri daripada keluarga yang tidak mempunyai pekerjaan yang tetap dan menganggur.

Adalah didapati peluang-peluang ekonomi yang dapat diwujudkan di Kelantan secara relatif adalah cukup terbatas. Sementara di negeri-negeri lain, peluang-peluang pekerjaan nampaknya terus meningkat. Keadaan yang sama belum berlaku di Kelantan dan sebahagian daripada mereka terpaksa berhijrah keluar. Walau bagaimanapun, usaha-usaha tetap akan dijalankan sama seperti mana usaha-usaha yang telah dijalankan di negeri-negeri lain.

Saya mengakui bahawa kerjasama kerajaan negeri dalam hal-hal yang berkaitan dengan pemberian tanah misalnya akan menjadi faktor yang penting. Malah, dalam Rancangan Kementerian di mana kita akan memperkenalkan pendekatan baru bantuan PPRT di mana bantuan akan diberikan secara pakej, yang akan melibatkan pemindahan semula para peserta ke penempatan yang baru dengan diberikan tanah dan segala kelengkapan kemudahan prasarana dan kegiatan ekonominya sekali. Ini tidak mungkin dapat dilakukan bagi negeri-negeri yang tidak memberikan kerjasama kerana ia akan melibatkan keperluan tapak bagi membolehkan pakej baru ini diperkenalkan.

Bagi negeri Kelantan, saya telah pun menulis surat kepada Menteri Besar Kelantan sebanyak dua kali mencadangkan supaya diadakan perbincangan. Antara topiknya ialah bagaimana masalah kemiskinan di Kelantan ini dapat ditangani secara bekerjasama.

### PROJEK HIDRO - ELEKTRIK BAKUN — PELUANG PERNIAGAAN BUMIPUTERA

2. Tuan Michael Lisa Kaya minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan hasrat ataupun rancangan untuk yang tersebut:

- (a) untuk memastikan masyarakat bumiputera di negeri Sarawak ini terutamanya kaum asli tidak ketinggalan mengambil bahagian dalam perniagaan untuk pembinaan projek Bakun HEP di Belaga Sarawak; dan
- (b) untuk mengenal pasti sama ada sesetengah pakej kerja diperuntukkan terutamanya untuk bumiputera tempatan mengambil bahagian dan juga untuk memberi bantuan teknikal dan kewangan dalam mengambil bahagian dalam pakej tersebut.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) adalah memang menjadi hasrat kerajaan supaya rakyat Malaysia, khususnya rakyat tempatan mendapat faedah daripada pelaksanaan sesuatu projek. Bagi Projek Bakun, kerajaan telah mengarahkan pemajunya:
  - (i) supaya dimaksimumkan pengeluaran tempatan beberapa komponen-komponen projek ini;
  - (ii) supaya pakej-pakej kerja diagihkan kepada firma tempatan yang berkemampuan, terutama bagi kerja-kerja sivil. Firma bumiputera hendaklah diberi peluang sekurang-kurangnya sebanyak 30% bagi kerja-kerja sivil.

- (b) Projek Bakun adalah sebuah projek yang besar yang memerlukan pekerja yang ramai di pelbagai peringkat. Kerajaan percaya bahawa adalah lebih menguntungkan dari segi kos dan masa bagi pihak kontraktor yang terlibat mengambil pekerja dan menggunakan perkhidmatan tempatan bagi projek ini. Oleh yang demikian, pihak kontraktor akan mengambil bilangan yang maksimum pekerja-pekerja daripada kawasan projek. Di samping itu, di peringkat kerajaan negeri, satu jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Penempatan Semula Penduduk sedang mengkaji dan merangka usaha-usaha untuk memastikan supaya Projek Bakun ini akan memberi manfaat sepenuhnya bagi penduduk tempatan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak berapa lama dulu Jawatankuasa Bertindak Kawasan Hulu Rejang meminta pihak kerajaan supaya mengagihkan sekurang-kurangnya 20% daripada pekerjaan apa segi sekali pun untuk pembinaan Hidro Bakun nanti mestilah diberi dengan pihak Jawatankuasa Bertindak untuk mengagihkannya.

Jadi, ini didapati tidak munasabah oleh kerana 20% itu adalah besar sangat. Jadi, apakah pihak kerajaan mempunyai percentage dengan izin, yang lain, yang difikirkan munasabah untuk diagihkan kepada mereka ataupun penduduk setempat?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, hasrat kerajaan ialah untuk menentukan bahawa rakyat tempatan yang mempunyai kemampuan boleh terlibat dengan maksimumnya dalam pekerjaan-pekerjaan yang akan diadakan dalam Projek Bakun. Kita faham bahawa khususnya dalam kerja-kerja sivil, kemungkinan penglibatan rakyat-rakyat tempatan itu memang ada.

Walaupun demikian, kita tidaklah dapat menentukan pengagihan secara terperinci dari segi angka, percentage dan sebagainya. Apa yang penting ialah pihak pemaju akan ditentukan oleh pihak kerajaan untuk menentukan rakyat tempatan itu mempunyai peluang yang amat luas sekali untuk melibatkan diri.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan ini satu projek yang raksasa dan dibahagikan kepada beberapa peringkat dan fasa, bolehkah Yang Berhormat menerangkan berapa pakej yang telah pun disediakan sekarang memandangkan pihak negeri dan juga pihak persekutuan belum lagi mengumumkan Environment Impact Assessment (EIA). Kalau kita tidak mengumumkan EIA, tidak tahu sama ada ini selamat atau tidak untuk dibinakan satu empangan yang raksasa. Bagaimana kita dapat aturkan pakej-pakej itu? Tolonglah terangkan sama ada keputusan untuk mengumumkan EIA itu sudah pun dibuat. Kalau begitu, bilakah laporan yang lengkap itu diumumkan untuk semua pihak, untuk rakyat Malaysia?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana juga projek lain, Projek Hidro Bakun juga memang memerlukan mendapatkan kelulusan ke atas kajian impact alam sekitar. Laporan impact alam sekitar yang diperlukan adalah dalam 4 peringkat bagi Projek Bakun.

- (i) kajian impact alam sekitar bagi penyediaan bagi kawasan tadahan;
- (ii) kajian impact alam sekitar bagi empangan dan kemudahan-kemudahan yang berkaitan;
- (iii) kajian impact alam sekitar bagi talian penghantaran diberi kepada 3 bahagian:
  - (a) atas darat di Sarawak;
  - (b) di dasar laut; dan
  - (c) atas darat di Semenanjung.
- (iv) kajian impact alam sekitar jalan masuk Pentulu, Tubau ke Bakun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat dua pihak berkuasa yang bertanggungjawab mengkaji dan memberi kelulusan ke atas kajian impact alam sekitar.

Lembaga Sumber Asli Sarawak dan Persekitaran Sarawak, diperuntukkan di bawah perundangan Sarawak mempunyai kuasa ke atas pembangunan tanah dan sumber asli di Sarawak. Oleh yang demikian, perkara-perkara yang berkaitan dengan impact ke atas kawasan tadahan, empangan dan kemudahan-kemudahan berkaitan, talian penghantaran di Sarawak dan pembinaan jalan masuk, termasuk di bawah bidang kuasa Lembaga Sumber Asli dan Persekitaran Sarawak. Setakat ini Lembaga Sumber Asli dan Persekitaran Sarawak telah memberi kelulusan di atas kajian impact kawasan tadahan pada 27hb Mac, 1995. Kelulusan ke atas kajian impact alam sekitar bagi empangan, talian penghantaran atas darat di Sarawak dan jalan masuk Bintulu – Bakun dijadual untuk diberi pertimbangan dalam bulan Julai tahun ini juga.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat, kerajaan adalah bercadang untuk membenarkan pihak rakyat jelata untuk mendapat laporan impact yang telah diluluskan. Kerajaan memang membenarkan bahkan saya difahamkan pihak yang tertentu akan menguruskan untuk mempamerkan report ini, mungkin di Belaga dan di Kapit. Kalaulah orang awam berminat untuk membelinya, mereka juga boleh membeli dari pihak yang tertentu di Sarawak.

Jadi, pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak hendak menapuk-napukkan kajian impact alam sekitar yang telah dijalankan.

### BARANG KEPERLUAN — KENAIKAN HARGA

3. Tuan Hashim bin Ismail minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan dari masa ke semasa kita sering dihadapkan dengan masalah kenaikan harga barang-barang keperluan termasuk barang-barang kawalan dengan sewenang-wenangnya oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan terlalu mementingkan keuntungan semata-mata. Ini sudah pasti amat membebankan dan menyusahkan rakyat. Apakah kementerian sedar tentang keresahan rakyat khususnya mereka daripada golongan berpendapatan rendah terhadap perkara ini. Dan apakah pula langkah kementerian untuk menangani isu ini dengan lebih berkesan lagi dengan sepenuh keupayaan dan ketegasan melalui kuasa yang ada dan dipertanggungjawabkan ke atasnya.

42. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) sejauh mana penurunan harga-harga barang yang dapat dinikmati oleh pengguna ekoran dari penghapusan dan penurunan cukai yang telah diluluskan di dalam belanjawan dalam tahun 1994;
- (b) langkah-langkah berkesan kementerian dalam membendung kerenah-kerenah peniaga dalam menentukan harga barangan; dan
- (c) bilangan peniaga yang telah dihukum kerana melanggar ketetapan harga barangan dan adakah kementerian merasakan tindakan-tindakan itu memberi kesan baik dalam membendung penyelewengan-penyelewengan harga barangan pengguna.

**50. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan mengapakah harga barang makanan masih tinggi lagi sedangkan kerajaan sudah memperkenalkan penurunan cukai, duti dan eksais barang-barang keperluan menerusi Belanjawan 1995 dulu dan pelancaran beberapa siri Operasi Budget oleh agensi-agensi kerajaan untuk menangani masalah ini yang semakin membebankan golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

26.6.95

**32. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan langkah-langkah yang diambil terhadap pengaut keuntungan di dalam rangkaian pengagihan makanan di dalam dua tahun yang lepas.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ledang, Rantau Panjang dan Cheras pada hari ini dan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada 26hb Jun serentak kerana soalan-soalan ini adalah mengenai perkara-perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Baiklah.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan bagi menentukan kadar harga barangan berada di paras yang berpatutan melalui:

- (i) menetapkan harga beberapa barang-barang perlu. Pada masa ini barangan yang telah ditetapkan harganya ialah gula bertapis, tepung gandum, minyak masak, minyak petrol, minyak diesel, minyak tanah, gas petroleum cecair, simen dan besi

keluli. Harga barangan ini tidak boleh dinaikkan kecuali mendapat kelulusan kementerian;

- (ii) mengurangkan atau menghapuskan duti ke atas beberapa barangan melalui Belanjawan Negara dengan tujuan harga barang-barang tersebut dapat dijual dengan harga yang lebih rendah;
- (iii) melaksanakan skim penstabilan harga seperti yang diperbuat ke atas minyak masak bagi menentukan harga bahan ini tidak melambung tinggi sungguhpun harga minyak sawit mentah meningkat tinggi di pasaran antarabangsa;
- (iv) menjalankan pemeriksaan fizikal dengan lebih kerap untuk menentukan peniaga tidak melakukan "profiteering" dengan menaikkan harga barang-barang sewenang-wenangnya;
- (v) mengarahkan syarikat-syarikat pengeluar barang-barang keperluan mengemukakan senarai harga runcit yang disyorkan dan meminta mereka merujuk ke kementerian ini sebelum menaikkan harga jualan sesuatu barangan;
- (vi) membincang dan mengemukakan segala masalah yang berhubung kait dengan harga dan bekalan barang-barang perlu kepada Jawatankuasa Kabinet mengenai barang-barang perlu bagi membolehkan keputusan segera diambil dan tindakan susulan yang bersesuaian dilakukan; dan
- (vii) mengadakan kempen anti inflasi yang bertujuan untuk mendidik pengguna supaya lebih berhemat di dalam berbelanja dan mendidik peniaga-peniaga supaya lebih beretika di dalam menjalankan urusan niaga harian.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian berpendapat bahawa langkah-langkah yang sedang dilaksanakan pada masa ini adalah memadai untuk menangani masalah kenaikan harga barangan.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman Belanjawan Negara 1995 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengurangkan atau menghapuskan duti ke atas 2,833 jenis barangan. Berikutan daripada itu, kementerian telah menjalankan pemeriksaan ke atas 147,519 peniaga-peniaga yang berurus niaga barang-barang berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan ini menunjukkan mereka telah menurunkan harga barang-barang yang terlibat dengan pengurangan atau menghapuskan duti itu. Sungguhpun pada peringkat awalnya ada didapati peniaga-peniaga yang tidak menurunkan harga barang-barang berkenaan, tetapi setelah teguran dan nasihat diberi, mereka telah menurunkan harga barang-barang tersebut sewajarnya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Maklumat mengenai jenis-jenis barang yang berjadual di pasaran sekarang tidak disebarkan dengan meluas. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu secara meluas apakah jenis barang-barang berjadual yang dikawal oleh kerajaan sekarang ini kepada pengguna-pengguna keseluruhannya. Dalam sidang Parlimen yang lepas, Yang Berhormat Timbalan Menteri pada masa itu berjanji bahawa banyak lagi jenis-jenis barang pengguna yang akan dimasukkan sebagai senarai barang-barang berjadual. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu apakah barang-barang yang telah baru dimasukkan sebagai barang-barang berjadual untuk kegunaan pengguna?

Yang kedua, salah satu barang berjadual ialah simen. Sama ada pihak kerajaan sedar atau tidak bahawa se-

karang ini di negeri Kelantan khususnya, kekurangan bekalan simen ini adalah amat nyata sekali. Sama ada ianya sengaja diwujudkan oleh pihak pengeluar yang cuba untuk mendesak kerajaan supaya dapat menaikkan harga atau wujudnya sebenar kekurangan ini. Kadang-kadang sampai satu minggu, dua minggu menunggu barulah mendapat bekalan tersebut.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, barang-barang yang dianggap perlu adalah barang-barang yang disenaraikan sebagai barang kawalan dan saya telah pun menerangkan bahawa gula bertapis, tepung gandum, minyak masak, minyak petrol, minyak diesel, minyak tanah, gas petroleum cecair, simen dan besi keluli adalah barang-barang yang disenarai dan dianggap barang-barang perlu. Kalau kita mahu menambahkan perkara ini perlu disyor kepada Jawatankuasa Kabinet mengenai barang-barang perlu untuk diputuskan, tetapi buat masa sekarang inilah senarai barang-barang. Walaupun barang-barang ini dianggap sebagai barang-barang kawalan, tetapi kita sentiasa monitor harga barang-barang yang berlain juga dari masa ke semasa.

Tentang kekurangan simen, ini kementerian telah pun menjalankan pemeriksaan dan juga mengadakan perbincangan dengan pengeluar-pengeluar simen dan didapati pengeluar-pengeluar tidak menggunakan apa-apa taktik ataupun cara-cara untuk mendapat kenaikan, tetapi kekurangan itu adalah satu perkara yang wujud oleh kerana beberapa faktor. Satu daripadanya ialah kelewatan sampainya klinker yang telah pun diorder oleh pihak pengeluar. Barang itu adalah diimport oleh kerana klinker ini adalah satu bahan yang penting bagi pengeluar-pengeluar simen. Walau bagaimanapun, kita dari masa ke masa mengagih-agihkan simen daripada tempat yang berkurangan daripada tempat-tempat yang mempunyai lebih.

Dalam hal ini, suka saya maklumkan bahawa pihak kerajaan sedang menimbangkan perkara-perkara yang boleh jadi insentif kepada pengeluar supaya mereka menambahkan pengeluaran dalam negara untuk memenuhi kehendak (demand) yang telah meningkat oleh kerana pembangunan pesat dalam negara kita.

**Tuan Chang Kon You:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini hanya barangan-barangan yang dijual di peringkat runcit sahaja yang diperlukan untuk meletakkan tanda harga (price tag). Jadi, ada persatuan peruncit yang mencadangkan supaya price tagging ini bukan sahaja di peringkat peruncit tetapi juga di peringkat pemborong atau pembekal. Adakah kementerian fikir bahawa ini adalah satu cadangan yang baik?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang kita tidak memikirkan bahawa harga barang-barang perlu dipamerkan di peringkat pemborong. Buat masa sekarang harga-harga di peringkat peruncit sahaja diperlukan melalui peraturan untuk dipamerkan. Walau bagaimanapun, perkara ini sentiasa direview dari masa ke semasa.

#### KERETA API "PENDULUM" — KEMUNGKINAN MEMPERKENALKAN

4. **Tuan P. Patto** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah hasil kajian kemungkinan memperkenalkan kereta api 'pendulum' dalam Malaysia;
- (b) siapakah yang menjalankan kajian kemungkinan itu; dan
- (c) perbelanjaan yang dijangka untuk menjalankan kajian kemungkinan itu.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kajian kemungkinan mengenai sistem kereta api 'pendulum' atau 'tilting train' sedang dijalankan oleh syarikat-syarikat swasta yang berminat untuk melaksanakan projek ini secara penswastaaan. Hasil kajian ini belum lagi dikemukakan kepada kerajaan;
- (b) kajian kejuruteraan dijalankan oleh syarikat-syarikat berikut:
  - (1) Syarikat Diversified Resources Bhd. dan Fiat Ferroviara, Italy;
  - (2) Syarikat Mitsui dan Hitachi, Jepun;
  - (3) Syarikat Bombardier dari Kanada.
- (c) Oleh kerana kajian ini dikendalikan oleh pihak swasta, maka kos pengkajian tersebut tidak dimaklumkan.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, dengan kajian kemungkinan yang dijalankan sekarang, adakah pihak kerajaan bercadang untuk membina landasan kereta api selain daripada landasan kereta api yang sedia ada yang digunakan sekarang, ataupun, adakah pihak kerajaan bercadang untuk melebarkan landasan kereta api yang sedang digunakan sekarang ini oleh kerana kelajuan kereta api pendulum ini sudah tentu terhad apabila menggunakan landasan kereta api yang sedia ada sekarang.

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, satu kelebihan (advantage) kereta api 'pendulum' atau 'tilting train' ini ialah, ianya boleh menambah kelajuan kereta api khasnya di selekoh-

selekeh tanpa mengubahsuai atau dengan pengubahsuaian yang minimum kepada landasan yang sedia ada. Ini adalah satu advantage atau kelebihan mengadakan sistem ini.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mempunyai landasan kereta api di Sabah yang dibina sejak zaman penjajah. Soalan saya ialah, adakah Kementerian Pengangkutan bercadang untuk berbincang dengan Kerajaan Negeri Sabah dan juga Kerajaan Negeri Sarawak supaya landasan kereta api moden boleh dibina di kedua-dua negeri itu setanding dengan landasan kereta api yang ada di Semenanjung?

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa cadangan itu adalah suatu yang baik khasnya oleh kerana Sabah telah mengadakan kerajaan baru. *(Ketawa)*

#### BURUH ASING — PENGANIAYAAN MAJIKAN DAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG

**5. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) adakah kemasukan buruh-buruh asing ke negara ini memang diperlukan atau adakah majikan-majikan tempatan sengaja mengambil mereka berdasarkan gaji yang murah, tiada caruman KWSP serta caruman-caruman yang lain; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi membanteras usaha-usaha penindasan yang dilakukan oleh majikan-majikan tempatan, berapa ramaikah majikan-majikan yang telah diambil tindakan kerana tindakan yang tidak bertanggungjawab ini.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) tenaga buruh asing masih diperlukan bagi sektor-sektor dan jawatan-jawatan tertentu seperti di sektor perladangan dan pembinaan serta jawatan-jawatan seperti pembantu rumah, pekerja hotel dan restoran di pusat-pusat peranginan dan atendan pam stesen minyak. Keperluan ini bukan kerana upah kepada mereka adalah lebih murah daripada pekerja tempatan, tetapi disebabkan oleh struktur industri dan keadaan serta ciri-ciri pasaran buruh yang wujud di negara kita sekarang. Di antara sebab-sebab rakyat tempatan kurang berminat menceburi diri di dalam sektor dan jawatan tersebut ialah peningkatan taraf sosio-ekonomi rakyat di negara ini memperlihatkan upah yang ditawarkan adalah rendah dan tidak menjanjikan prospek dan pembangunan kerjaya yang menarik. Di samping itu, persekitaran kerja yang kurang menarik dan ada kalanya berbahaya mendorong kehadiran pekerja-pekerja asing yang berterusan di dalam sektor dan jawatan tersebut.
- (b) Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Buruh membanteras penindasan yang mungkin dilakukan oleh majikan-majikan tempatan dengan menubuhkan Pasukan Petugas mengenai Penggajian Pekerja Asing di setiap Pejabat Buruh Negeri dan Cawangan Pasukan Petugas tersebut mengawal selia keadaan penggajian pekerja asing, utamanya memastikan penggajian pekerja asing tidak menjejaskan kepentingan pekerja tempatan serta mereka menerima kadar gaji dan syarat-syarat

perkhidmatan yang sama dengan pekerja-pekerja tempatan bagi jenis kerja yang serupa. Pasukan petugas ini bekerjasama rapat dengan pihak-pihak berkuasa lain seperti Jabatan Imigresen jika didapati majikan-majikan telah melanggar undang-undang yang dikuatkuasakan oleh jabatan tersebut.

Sehingga Mac 1995, sejumlah 1,188 majikan telah diperiksa dan didapati 668 majikan telah melakukan pelbagai kesalahan yang berjumlah 1,026. Kesalahan-kesalahan tersebut dikategorikan seperti berikut:

- (i) Kesalahan di bawah Akta Kerja 1955 — 367 kes.
- (ii) Kesalahan di bawah Akta Pampasan Kerja 1952 — 155 kes.
- (iii) Kesalahan di bawah undang-undang yang di kuatkuasakan oleh Jabatan Imigresen — 213 kes.
- (iv) Tidak mematuhi amalan penggajian yang adil — 108 kes.
- (v) Tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan — 183 kes.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun banyak majikan yang telah pun diambil tindakan di atas kesalahan-kesalahan yang disebutkan tadi, beberapa jenis kesalahan masih lagi berterusan khususnya masih banyak lagi majikan yang mengambil pekerja asing yang tidak mempunyai pas kerja khususnya di kilang-kilang dan majikan-majikan di sektor pertanian. Soalan saya ialah, adakah pihak kementerian berkenaan sedar mengenai perkara

ini dan apakah tindakan-tindakan yang baru yang dibuat dan adakah sistem pengawasan — supaya ini tidak berterusan — yang sedang dijalankan?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, tindakan kerajaan untuk mencegah pengambilan pekerja asing secara yang haram dijalankan sepanjang masa dan ditingkatkan dari masa ke semasa. Saya rasa pihak orang ramai juga boleh memberikan sumbangan yang bermakna terhadap usaha kerajaan itu. Iaitu kalau terdapat kes-kes yang spesifik di mana kesalahan berlaku, maka bolehlah menghubungi pihak penguat kuasa.

**Dr. Yap Yit Thong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sila nyatakan bilangan buruh-buruh asing di negara kita dan pecahan bilangan buruh-buruh asing mengikut negara? Kedua, apakah masalah-masalah sosial yang diwujudkan oleh buruh-buruh asing?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama itu, saya perlukan notis.

Mengenai soalan kedua, masalah-masalah sosial yang dibangkitkan oleh pekerja asing lebih kurang sama juga seperti orang-orang tempatan, tidak ada bezanya. Tetapi yang paling baik adalah kita cuba menjayakan ikhtiar kerajaan untuk mengurangkan penggantungan kita kepada pekerja asing.

#### INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA — SKIM/TABUNG BANTUAN

6. **Tuan Chang Kon You** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan memandangkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) merupakan bidang yang penting bagi membantu industri-industri besar di negara kita, apakah skim-skim bantuan yang diberikan kepada Industri Kecil dan Sederhana.

21.7.95

**40. Tuan Tiong Thai King** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapa permohonan untuk mendapat bantuan dari Industri Sederhana dan Kecil (SMI Fund) telah diterima dan diluluskan bagi apa-apa projek dan jumlah wang yang telah dikeluarkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Kerk Choo Ting):** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab sekali gus pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Chang Kon You pada hari ini serta pertanyaan Yang Berhormat Dr. Tiong Thai King pada 21hb Jun, 1995, ini memandangkan pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Baiklah.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua,

(a) skim-skim bantuan yang telah disediakan oleh MITI bagi membantu industri-industri kecil dan sederhana di negara ini adalah seperti berikut:

- (i) Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian atau Industrial Technical Assistance Fund (ITAF), dengan izin;
- (ii) Skim Pinjaman Mudah Modenisasi atau Automasi IKS;
- (iii) Skim Pinjaman Mudah Meningkatkan Kualiti dan Produktiviti IKS;
- (iv) Pemasaran Bersepadu Industri Perabot dan Makanan; dan
- (v) Pembangunan Tapak Perindustrian IKS.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31hb Mac 1995 sejumlah 1,135 permohonan telah diterima di bawah Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian atau Industrial Technical Assistance Fund (ITAF), dengan izin. Daripada jumlah tersebut, 645 permohonan telah diluluskan dengan geran bernilai RM18,345,827.24. Manakala geran yang telah dikeluarkan oleh MITI kepada syarikat-syarikat IKS yang telah menyiapkan projek-projek mereka adalah berjumlah RM6,336,186.46. Pecahan mengikut skim-skim ITAF adalah seperti berikut:

<i>Nama Skim</i>	<i>Terima</i>	<i>Lulus</i>
Skim Khidmat Perundingan (ITAF 1)	253	211
Skim Pembangunan dan Reka Bentuk Barangan (ITAF 2)	271	106
Skim Peningkatan Kualiti dan Produktiviti (ITAF 3)	252	87
Skim Pembangunan Pemasaran (ITAF 4)	359	241

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30hb April 1995 peruntukan sejumlah RM35.6 juta telah dikeluarkan oleh MITI kepada Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF), dengan izin, bagi Skim Pinjaman Mudah Modenisasi dan Automasi IKS. Dari jumlah tersebut sebanyak RM25,562,000 telah diluluskan kepada IKS. Manakala peruntukan sejumlah RM30 juta telah dikeluarkan kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad bagi Skim Pinjaman Mudah Peningkatan Kualiti dan Produktiviti IKS. Daripada jumlah tersebut, lebih kurang RM33 juta luluskan kepada IKS.

**Tuan Robert Lau Hoi Chiew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan pertama, adakah benar IKS di negara Jepun menghadapi banyak kesulitan kerana kenaikan nilai Yen? Kalau benar, apakah langkah-langkah akan diberikan oleh kerajaan untuk menarik IKS dari Jepun untuk memindahkan lokasi mereka ke Malaysia?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama jawabnya benar. Syarikat IKS di Jepun menghadapi masalah. Tetapi ini bukan tujuan dasar Kerajaan Malaysia untuk menyelesaikan masalah IKS di Jepun. Kita lebih berminat menyelesaikan atau meningkatkan daya persaingan atau produktiviti IKS di Malaysia. Bagaimana kita hendak menarik syarikat-syarikat IKS ke Malaysia ini, kerajaan ada satu dasar. Kalau syarikat-syarikat IKS itu boleh membantu Malaysia membangunkan industri di Malaysia, maka IKS akan diterima dengan baik. Kalau tidak, kita tidak akan menggalakkan pengimportan IKS daripada Jepun.

**Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald:** Yang Berhormat Menteri, bolehkah jelaskan tempoh masa yang akan diambil oleh pemohon untuk mendapatkan bantuan dari Kementerian?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, biasanya MITI akan mempercepatkan masa untuk meluluskan semua permohonan. Misalnya dalam dua bulan. Tetapi ini tertakluk kepada sama ada maklumat-maklumat yang diberi itu lengkap atau tidak atau sama ada pemohon-pemohon itu telah memenuhi segala permintaan-permintaan atau syarat syarat yang ditetapkan itu.

#### TANAH RIZAB MELAYU — KEPENTINGAN ORANG MELAYU/ BUMIPUTERA

**7. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) apakah dasar kerajaan mengenai penjagaan kepentingan orang-orang Melayu dan bumiputera khusus berkaitan dengan tanah;
- (b) apakah kerajaan telah mengumpul atau bercadang untuk mengumpul maklumat mengenai tanah-tanah rizab Melayu yang telah hilang statusnya; dan

- (c) apakah kerajaan bercadang untuk mengganti tanah-tanah rizab Melayu yang telah diambil secara paksa oleh kerajaan untuk pembangunan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, walaupun wujud kesamaran dalam soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Bharu, saya akan cuba menjawabnya daripada apa yang kita faham daripada soalnya.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pihak kerajaan memang sentiasa prihatin terhadap menjaga kepentingan orang-orang Melayu dan bumiputera, khususnya berkaitan dengan tanah. Di antara dasar yang diamal oleh kerajaan ke arah menjaga kepentingan orang-orang Melayu dan bumiputera adalah; pertama, kerajaan masih mengekalkan Enakmen Rizab Melayu. Kedua, pemakaian Enakmen Rizab Melayu ini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan pihak kerajaan tidak bercadang untuk meminda atau memansuhkannya. Ketiga, Kerajaan-kerajaan Negeri yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal tanah sentiasa mengambil perhatian terhadap kedudukan tanah-tanah yang terletak dalam rizab Melayu. Keempat, Kerajaan-kerajaan Negeri juga telah dan akan menggantikan tanah-tanah rizab yang telah terbatal rizabnya. Kelima, Kerajaan Negeri juga masih mengekalkan tanah-tanah yang terletak di bawah rizab Orang Asli dan mengawasinya daripada dicerobohi.

- (b) Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian mempunyai data-data Tanah Simpanan Melayu dan sentiasa mengemaskinikannya apabila berlaku perubahan. Kedudukan rizab Melayu adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Hektar</i>
Terengganu	91.45
Kuala Lumpur	471.88
Perlis	34,106.00
Selangor	164,290.00
Johor	221,498.58
Pahang	335,288.06
Negeri Sembilan	209,900.29
Kedah	475,326.8
Perak	902,497.54
Kelantan	1,307,153.40
<b>JUMLAH:</b>	<b>3,650,944.54</b>

- (c) Pihak Kerajaan Persekutuan sentiasa mengingatkan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan menggantikan tanah-tanah rizab yang telah dibatalkan rizabnya untuk pembangunan. Ini adalah selaras dengan kehendak Perlembagaan mengikut peruntukan Perkara 89 (3). Dan sebagai contoh, seluas 28,337.48 hektar tanah rizab Melayu telah diganti di seluruh negara. Tindakan mengganti selebihnya sedang diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, dalam persidangan tahun lepas, saya masih ingat Yang Berhormat dari Tampin semasa itu menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian ini, memberitahu Dewan yang mulia ini terdapat 93,000 hektar tanah rizab Melayu di seluruh negara yang telah hilang statusnya.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa menurut peruntukan Perlembagaan setiap hektar tanah rizab Melayu yang hilang status mesti diganti dengan satu hektar yang lain.

Soalan saya, sejak tahun lepas sehingga sekarang daripada 93,000 hektar yang hilang status ini, berapa jumlah hektar yang sudah diganti tanah-tanah rizab Melayu yang hilang status tadi?

Dan boleh atau tidak, kalau tidak boleh secara lisan, secara bertulis Yang Berhormat memberitahu kepada saya, negeri-negeri yang telah mengikut hektar dan mengikut negeri-negeri jumlah rizab Melayu yang telah hilang daripada status tanah rizab Melayu?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod yang ada pada saya, jumlah tanah rizab Melayu yang telah dikeluarkan ialah berjumlah 82,995.99 hektar. Dan jumlah yang telah diganti ialah 28,337.48 hektar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman secara ringkas rekod yang ada di kementerian ialah tanah-tanah yang telah diganti di negeri Pahang, Negeri Sembilan dan negeri Selangor. Sebagai contoh, Pahang umpamanya sebanyak 29,100 hektar telah dikeluarkan daripada tanah rizab Melayu dan diganti pada hujung tahun 1974 seluas 27,616 hektar. Negeri Sembilan 1,926 hektar yang dikeluarkan dan diganti dengan 629 hektar. Negeri Selangor 8,073 hektar dan diganti 91.49 hektar.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya proses mengganti tanah ini masih dijalankan dan kementerian akan berterusan untuk mengemaskinikan rekod yang ada pada kami.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, arus pembangunan telah menjadikan pemilik-pemilik tanah rizab Melayu di kawasan yang strategik

berhadapan dengan paradoks, iaitu tanah-tanah mereka apabila dilabelkan sebagai rizab Melayu tidak mempunyai nilai komersil yang menarik. Dan mereka akan berhadapan dengan kesulitan apabila mereka akan menggunakan tanah itu untuk pembangunan ataupun mendapatkan sebagai cagar kepada bank untuk pinjaman kewangan.

Jadi, persoalan saya adakah pihak kerajaan akan mencari satu strategi ataupun langkah-langkah di mana pemilik-pemilik tanah rizab Melayu di kawasan strategik akan boleh membangunkan harta mereka tanpa kehilangan status tanah rizab Melayu?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong bahawasanya memang benar semasa penjajah mula-mula meletakkan beberapa kawasan tanah sebagai Tanah Simpanan Melayu, ketika itu ianya tidak memiliki nilai komersil yang baik dan tinggi. Tetapi keadaan sudah berbeza seperti contoh, kalau dahulunya tanah-tanah itu kebanyakannya di pinggir-pinggir lautan, di persisiran pantai. Ketika itu mungkin tanah ini tidak ada nilai.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini keadaan telah berbeza dan tanah di pinggir-pinggir pantai mendapat harga yang paling lumayan sekali.

Berkaitan dengan membangunkan tanah ini, sebenarnya banyak agensi-agensi kerajaan sama ada di peringkat pusat dan di peringkat negeri sedang melaksanakan proses membangun tanah-tanah ini dengan tidak menukar milik tanah daripada simpanan Melayu dan dikekalkan keadaan status yang sedemikian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail.

**Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pembetulan iaitu soalan (c) "Kementerian Pertanian" bukan "Kementerian Pertahanan".

**PADI — NILAI KERUGIAN  
AKIBAT SERANGAN KUTU  
BERUANG**

**8. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapakah nilai kerugian kepada pesawah-pesawah padi di dalam Daerah Kerian kerana serangan musuh padi yang bernama Kutu Beruang pada musim tanaman padi pada tahun 1994;
- (b) oleh kerana masalah ini agak berlarutan apakah usaha dari Kementerian Pertanian supaya dapat dimusnahkan Kutu Beruang ini hingga kepada kawasan-kawasan ia membiak (breeding ground); dan
- (c) bolehkah saya mencadangkan supaya Kementerian Pertanian mengambil pakar kaji hayat dan kaji serangga dari dalam negeri dan luar negeri untuk membuat siasatan mendalam hingga berjaya menghapuskan serangga ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Dato' Abu Bakar bin Taib):** Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dianggarkan jumlah kerugian kepada pesawah padi di dalam Daerah Kerian dalam musim tanaman tahun 1994 kerana serangan musuh padi termasuk kutu beruang dan bena perang adalah sebanyak RM4.41 juta.

- (b) Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pertanian sentiasa mengawasi masalah serangan musuh dan penyakit padi. Melalui Program Pengurusan Perosak Bersepadu, racun perosak digunakan secara bersepadu bersama-sama dengan kaedah kawalan secara biologi, penggunaan musuh semula jadi dan amalan-amalan pertanian yang baik. Di antara perosak-perosak yang diawasi ialah bena perang, bena perang putih dan hijau, kutu beruang, penyakit merah dan tikus. Kementerian Pertanian juga telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengawal semua kejadian serangan musuh padi. R&D akan dipergiatkan untuk mendapatkan sistem teknik mengawal musuh tanaman secara berkesan.
- (c) Kementerian Pertanian mempunyai kepakaran yang mencukupi untuk menjalankan kajian dan siasatan yang membendung serangan perosak tanaman tersebut seperti kutu beruang. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat untuk mengambil pakar dari luar negeri jika diperlukan akan diberi perhatian.

**Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti kita maklum bahawa 'light trapping', dengan izin, iaitu perangkap lampu diketahui sangat berkesan untuk menarik serangga ini kepada lampu dan memusnahkannya dengan racun serangga. Jadi, di kawasan saya di Bagan Serai di musim serangan kutu beruang ini, kutu beruang datang masuk ke dalam pekan, masuk ke dalam restoran (*Ketawa*), maklum kata orang dia 'berwang' — kutu yang kayalah. Dia mengganggu, tetapi apa yang saya maksudkan setiap tiang lampu elektrik di

pekan itu kalau hendak satu guni pun ada iaitu kutu beruang yang sudah jatuh mati. Apa salahnya kerajaan menaruh simpati dengan peladang-peladang yang rugi RM4 juta ini mengadakan lampu-lampu di dalam sawah padi. Begitu juga boleh menolong orang-orang luar bandar dapat cahaya di samping dapat membunuh kutu beruang dan juga serangga-serangga yang lain, itu cadangan saya. (*Tepuk*).

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan telah mengadakan 'light trapping', tetapi tidak mencukupi, mungkin perkara ini akan diambil kira untuk menyelesaikan masalah itu.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memohon Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan adakah kementerian yang berkenaan mempunyai sesuatu rancangan untuk memajukan tanah-tanah terbiar di daerah Kerian dan mengikut kajian yang telah dibuat kebanyakan tanah-tanah terbiar itu adalah tanah sawah yang mana saiznya tidak lagi ekonomikal. Jadi, adakah rancangan atau hasrat kerajaan untuk menggabungkan tanah-tanah yang saiznya tidak ekonomikal itu supaya aktiviti-aktiviti pertanian atau pembangunan dapat dilaksanakan di tanah terbiar itu dan tanah terbiar itu dapat membawa faedah kepada tuan miliknya?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya rasa soalan terkeluar dari soalan asal sebab yang disoal tadi itu berkisar kepada kutu beruang dan bukan tanah terbiar.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu tidak hadir)

**PERNIAGAAN FRANCAIS —  
PROGRAM DAN PENDEKATAN  
BARU KERAJAAN**

**10. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) bilangan perniagaan Francois yang telah didaftarkan di Malaysia dan jenis perkhidmatan yang telah ditawarkan serta bilangan usahawan bumiputera yang terlibat dalam perniagaan Francois;
- (b) apakah program dan langkah-langkah pendekatan terbaru kementerian di dalam usaha untuk membangunkan dan memperbanyakkan perniagaan Francois bagi mewujudkan masyarakat usahawan terutamanya kaum Bumiputera; dan
- (c) apakah kejayaan yang telah dicapai setakat ini terutamanya penekanan kepada program Francois melalui Syarikat Awam bukan kerajaan (PABK) atau Perbadanan yang dikuasai oleh kerajaan dan sejauh manakah dakwaan yang menyatakan bahawa terdapat beberapa kakitangan atasan PABK yang tidak peka terhadap keperluan dan tanggungjawab di dalam menyokong program ini berbanding dengan syarikat asing yang tidak dikuasai oleh kerajaan yang lebih bersedia menyokong program ini, jika dakwaan ini benar apakah bentuk tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian.

**Menteri Pembangunan Usahawan (Dato' Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat 102 perniagaan francais, iaitu 22 tempatan dan 80 dari

luar negeri yang beroperasi di negara kita. Bilangan perniagaan francais yang terbanyak ialah dalam bidang makanan iaitu 30 buah syarikat dan yang kedua terbesar ialah kedai runcit sebanyak 14 buah. Di bawah Program Pembangunan Francois yang dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Francois seramai 44 orang franchisee bumiputera telah pun diwujudkan. MARA pula telah mewujudkan beberapa franchisee yang mana 10 masih lagi beroperasi. Selain dari itu 87 lagi dilantik secara terus oleh pihak franchiser menjadikan jumlah keseluruhan bumiputera terlibat di dalam bidang ini adalah sebanyak 141 orang berbanding 430 orang franchisee bukan bumiputera bagi produk-produk yang sama.

- (b) Kementerian Pembangunan Usahawan akan meneruskan usaha yang telah dijalankan sebelum ini untuk menambah bilangan usahawan bumiputera sama ada sebagai franchisee, franchisee induk atau franchiser. Kementerian akan mengadakan dialog dengan pihak syarikat-syarikat yang mem "francais" perniagaan mereka untuk mengambil lebih ramai bumiputera sebagai franchisee.

Antara bidang-bidang yang akan diberi tumpuan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh ialah membantu peniaga bumiputera yang sudah mempunyai suatu perniagaan maju untuk mem "francais" kan perniagaan mereka di samping menggalakkan lebih banyak syarikat yang telah memfrancaiskan perniagaan mereka menyertai program pembangunan franchisee.

- (c) Adalah tidak benar dakwaan bahawa beberapa kakitangan atasan syarikat awam bukan tidak menyokong usaha kerajaan menggalakkan perniagaan francais di kalangan bumiputera. Sebaliknya beberapa buah syarikat kerajaan, termasuk Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri terlibat secara aktif dalam perniagaan francais dan menyokong usaha kerajaan. Sebagai contohnya, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor telah memperolehi hak sebagai franchisee induk bagi produk farmasi "medicine shop" daripada Amerika Syarikat dan perniagaan tersebut telah difrancaiskan di negara kita dengan menggunakan jenama "Pharma Care Medicine Shop". Sehingga ini 3 orang usahawan bumiputera telah dilantik oleh SEDC Johor sebagai francais untuk produk tersebut.

**Dato' Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari maklumat yang telah diberikan oleh Yang Berhormat kelihatan juga bahawa dari 108 francais terdapat 80 dari luar negeri dan 22 dari dalam negeri. Saya ingin tahu mengapakah francais dari luar negeri mengatasi francais dari dalam negeri dan apakah langkah-langkah jangka panjang yang akan dilakukan agar francais dalam negeri melebihi daripada francais daripada luar negeri.

Kedua, walaupun Yang Berhormat tadi menyebutkan beberapa program-program dan pendekatan terbaharu dari pihak Kementerian Pembangunan Usahawan, saya melihat bahawa koordinasi perlu dijalankan oleh banyak-banyak agensi yang terlibat. Jadi, apakah koordinasi yang akan dijalankan oleh pihak kementerian Yang Berhormat?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Dari segi nisbahnya penglibatan syarikat asing melebihi syarikat dalam negeri 4:1 (4 asing dan 1 dalam negeri). Ini adalah kerana bidang ini dimulakan di luar negara yang banyak sekali sistem ini diamalkan ialah di Amerika Syarikat dan di negara-negara rantau ini, Australia merupakan di antara negara yang terkehadapan dalam bidang ini. Jadi, sebab utama kenapa penglibatan syarikat tempatan adalah rendah, adalah kerana bidang ini baru bermula dalam negara kita. Dalam pada itu, Kementerian Pembangunan Usahawan akan berusaha untuk menambahkan penyertaan syarikat-syarikat tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat kita sekarang ini sedang berunding dengan kira-kira 20 buah syarikat yang lain bagi menyertai program ini.

Soalan kedua berkaitan dengan penye-larasan, ini tidak harus berbangkit. Kita orang kerajaan adalah bekerja untuk satu matlamat iaitu membantu untuk menjayakan dasar-dasar kerajaan dan oleh itu Kementerian Pembangunan Usahawan akan bekerjasama dengan pihak-pihak yang lain yang terlibat dalam bidang ini, termasuklah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk memastikan bahawa usaha-usaha yang selaras dapat dilaksanakan bagi menjayakan hasrat membangunkan program pembangunan francais ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah pun suntuk.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 dan 11 hingga 58 akan dijilid dalam buku berasingan)*

**RANG UNDANG-UNDANG  
DIBAWA KE DALAM  
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN  
(PINDAAN) 1995**

*Bacaan Kali Yang Pertama*

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
KASTAM (PINDAAN) 1994**

*Bacaan Kali Yang Pertama*

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
EKSAIS (PINDAAN) 1994**

*Bacaan Kali Yang Pertama*

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Eksais, 1976 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
ZON BEBAS (PINDAAN) 1994**

*Bacaan Kali Yang Pertama*

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Zon Bebas 1990; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh

Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
CUKAI PERKHIDMATAN  
(PINDAAN) 1994**

*Bacaan Kali Yang Pertama*

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)  
Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, ada point of order. Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk Point of order 48 . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Berapa? 48?

**Tuan Lim Guan Eng:** 48 . . . . . kerana tadi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengemukakan untuk bacaan kali pertama Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan. Saya telah menyemak meja saya dan saya tidak ada satu salinan pun Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan yang hendak dipinda oleh pihak kerajaan. Memandangkan ini adalah satu rang undang-undang yang amat penting, bolehkah kita tahu bilakah kita akan diberikan salinan Rang Undang-undang ini?

Saya rasa adalah tidak elok kalau ia diberikan satu hari sebelum ia dibahaskan. Kalau boleh, bolehkah saya meminta kepada Tuan Yang di-Pertua, supaya diberikan secepat mungkin Rang Undang-undang ini supaya kita mempunyai masa yang cukup untuk menelitinya. Janganlah kita membuat dia semacam mee segera, express, menggunakan overwhelming majoriti untuk rubber stamp Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Baiklah Yang Berhormat. Yang Berhormat, jangan ambil kesempatan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu permintaan, kerana kalau tidak rubber stamp majoriti oleh Barisan Nasional. *(Disampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, walaupun apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu cukup penting dan ini pun biasanya dikendalikan dengan seelok mungkin dan saya rasa sekiranya Yang Berhormat ada yang tidak puas hati, bolehlah Yang Berhormat berbincang dengan Urusetia ataupun berbincang dengan pegawai yang berkenaan ataupun dengan saya sendiri dan bukan Yang Berhormat hendak mengambil kesempatan di sini untuk membangkitkannya. Saya rasa ini bukan sesuatu yang membina, Yang Berhormat. *(Tepuk)* Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** *(Bangun)* *(Menyampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya..... *(Disampuk)* Yang Berhormat, cukup jelas dan sebenarnya saya sendiri akan memastikan bahawa apa yang diminta itu akan diedarkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** *(Menyampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, memang cukup penting. Itu sebabnya saya sudah cakap tadi. Ya, faham.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Dia tidak boleh berbahas dengan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Guan Eng:** *(Menyampuk)*

**Tuan Wee Choo Keong:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Bukit Bintang. Apa lagi Yang Berhormat?

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Yang di-Pertua, point of order. Hingga sekarang kita tidak ada *Hansard*. *Hansard* kelmarin belum dikemukakan di Parlimen dan bagaimanakah kita boleh merujuk kepada apa yang telah dibahaskan kelmarin? Bolehkah Tuan Yang di-Pertua memberikan satu penjelasan mengenai perkara ini?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sebarang teguran yang membina tetap akan dilayan dan saya rasa apa Yang Berhormat fikir wajar itu adalah diambil kira ataupun diberi pertimbangan yang wajar dan *Hansard* itu akan diberikan secepat mungkin, Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong:** Kenapakah *Hansard* itu belum dibentangkan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya rasa jangan ambil kesempatan. Sedia maklum, Yang Berhormat, kelmarin pun persidangan kita tamat pada pukul 8.45 malam. Kadangkala, Yang Berhormat, kenalah sabar. Bumi mana tidak ditimpa hujan, Yang Berhormat?

**Tuan Wee Choo Keong:** Kadang-kadang habis pukul 6.30 pun belum siap lagi.

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan ber-banyak-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kesembilan”. (*19hb Jun 1995*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Kewangan diminta jawab.

*3.43 ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kewangan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh isu-isu di bawah kementerian ini di dalam perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih kepada Yang

Maha Mulia Tuanku Yang di-Pertuan Agong dan walaupun penumpuan ucapan kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak pembangkang adalah semata-mata terhadap keputusan pilihan raya, ada juga terselit di celah-celah tohmahan, sindiran, perli, cemuhan dan kecaman beberapa persoalan mengenai isu-isu di bawah pentadbiran Kementerian Kewangan.

Isu-isu ini iaitu isu seperti keberkesanan pemberian saham ASB kepada kumpulan termiskin yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, pencatuan sumber untuk pembangunan ekonomi negara yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang dan pencapaian majoriti Perdana Menteri di Kubang Pasu dalam pilihan raya yang lalu yang dibawa oleh Ahli dari Pengkalan Chepa menarik hati saya. Saya mengambil tiga isu ini sebagai contoh-contoh hujah yang tidak bersandarkan kepada keilmuan yang jitu.

Tuan Speaker, perlu saya ingatkan Dewan yang mulia ini bahawa Ahli dari Marang di dalam ucapannya selalu sahaja menyeru kita supaya bersandar kepada keilmuan yang tinggi dan merujuk segala masalah kita kepada Al-Quran dan hadis. Seruan ini saya sambut dengan ikhlas, dengan penuh kerelaan hati dan seterusnya saya ingin cuba meneliti dan mengukur ucapan Yang Berhormat-Yang Berhormat dengan kayu pengukuran ini dengan tiga isu yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Marang membuat suatu cadangan agar pembangunan ekonomi negara ditumpukan asasnya kepada usaha-usaha mempercukupkan semua bahan makanan. Ini bermakna peruntukan pembangunan yang banyak perlu disalurkan ke arah ini dahulu dan justeru kerana itu, peruntukan kepada sektor-sektor lain di dalam ekonomi negara terpaksa dikurangkan.

Yang Berhormat juga membandingkan keupayaan negara kita di dalam pengeluaran makanan dengan keupayaan negara-negara Jepun, Amerika Syarikat dan kemungkinan Argentina yang dapat mengeluarkan kehendak ataupun yang dapat mempercukupkan kehendak makanan mereka melalui pengeluaran sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sekali imbas orang-orang yang tidak berapa faham dengan prinsip percaturan sumber dan juga dengan keupayaan iklim pertanian, dengan izin, agro-climatic factors di Malaysia akan tertarik dan terus menyokong saranan ini tetapi orang-orang yang tahu dan lebih mengetahui bahawa ini adalah cakap-cakap yang tidak berlandaskan kenyataan.

Pertama sekali, biar saya tegaskan di sini faktor iklim pertanian ataupun agro-climatic factors kita untuk mengeluarkan makanan yang cukup untuk penduduk yang makin bertambah bilangannya adalah terhad. Kalau dicampur semua tanah-tanah padi di Kedah, di Kelantan dan lain-lain tempat dan diberi irigasi sekali pun dengan benih-benih yang baik tidak akan mencukupkan kehendak beras negara di dalam masa sekarang dan di masa yang akan datang. Pendek kata tanah untuk padi tidak cukup di negara kita pada hal tanah di Amerika, di Argentina bukan sahaja melaut malah lebih subur daripada tanah di Malaysia untuk penanaman pemakanan ataupun bahan-bahan makanan utama mereka seperti gandum dan juga jagung.

Tuan Speaker, walaupun kita dapat . . . . .

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Marang bangun.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pembedaan. Apabila saya memberi penekanan kepada memenuhi keperluan makanan bukan bermakna mengabaikan pembangunan dalam bidang yang lain. Apa yang saya maksudkan ialah terdapat beberapa cara-cara negatif yang dilakukan oleh kerajaan seperti menimbus sawah-sawah padi kerana melakukan kegiatan pembangunan yang lain seperti yang berlaku di Terengganu kerana membuat padang golf umpamanya. Ditimbus sawah padi kerana difikirkan untuk mendapatkan keuntungan yang lebih daripada industri pelancongan. Umpamanya seperti mengambil tanah padi yang dipunyai oleh petani-petani untuk ternakan udang seperti yang berlaku di Kedah sebagai suatu contoh. Kita tidak menafikan bahawa ternakan udang adalah perlu tetapi perlu diberi perhatian juga kepada petani-petani yang miskin itu bagaimana mereka mahu menyambung hidup mereka dengan pampasan yang tidak mencukupi dan pembelaan yang tidak wajar bagi meneruskan kegiatan mereka. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Speaker, dengan mencadangkan penumpuan kepada pengeluaran makanan, walaupun Yang Berhormat dari Marang tidak bermaksud untuk menahan penyaluran sumber-sumber pembangunan di tempat-tempat lain, ianya dengan sendiri menahan penyaluran kepada sektor lain kerana wang yang kita ada adalah terhad. Jadi, kita tidak dapat menambahkan penyaluran kepada sektor lain kerana wang yang kita ada adalah terhad. Jadi, kalau kita menambahkan penyaluran terhadap sektor pemakanan sahaja, maka untuk sektor-sektor lain adalah akan berkurangan, itu yang saya maksudkan.

Perkara yang kedua ialah mengenai dengan pengambilan tanah-tanah padi dan tanah-tanah untuk penanaman bahan-bahan makanan. Ini dibuat (yang akan

saya sebut tidak berapa lama lagi) mengikut prinsip-prinsip percatuan sumber ataupun dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, resource allocation principle.

Jadi, kalau tanah itu dapat membawa pulangan yang lebih, misalnya tanah di Kerpan, dapat membawa pulangan yang lebih dengan membela udang daripada penanaman padi, mengapa tidak kita membela udang? Kita sudah tahu pada masa ini bahawa pulangan daripada pembelaan udang adalah lebih berganda daripada penanaman padi.

Jadi, soal pampasan adalah soal lain. Soal potensi, pulangan kepada tanah itu adalah soal lain. Pampasan mungkin diberi mengikut apa Yang Berhormat kata pada masa ini tidak cukup dari segi absolutenya untuk dia pada masa ini tetapi pada jangka panjang pendapatan dari udang itu akan melebihi daripada pendapatan padi.

Jadi, Tuan Speaker, walaupun kita dapat menyalirkan misalnya 300,000 ekar tanah paya masam di Sarawak dan meneutralisasikan kemasamannya pun tidak akan cukup beras kita.

Jadi, Tuan Speaker, katalah kita buat begini, segala sumber kekayaan negara akan tercurah ke situ tanpa dapat membangunkan sektor-sektor lain seperti komoditi, perkilangan, perkhidmatan, perdagangan dan perlombongan serta yang lain-lain lagi. Kita akan terjerumus seperti Myanmar di bawah pemerintahan Nee Win dan Kampuchea di bawah pemerintahan Pol Pot. Nee Win dan Pol Pot adalah pelopor-pelopor teori balik ke pertanian seperti yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Marang sepatutnya mentelaah prinsip-prinsip percatuan sumber yang

diguna pakai oleh segala negara-negara maju di dunia. Prinsip ini menekankan peluang pulangan yang tertinggi kepada modal, tanah ataupun lain-lain faktor, yakni mana-mana sektor negara yang mempunyai kebolehan membawa balik hasil yang tinggi itu seharusnya diutamakan. Tetapi, biar saya ingatkan Dewan yang mulia ini bahawa prinsip ini boleh beroperasi hanya di dalam keadaan ekonomi bebas yang disokong oleh iklim perdagangan yang aman selesa, baik pada peringkat domestik mahupun pada peringkat antarabangsa.

Saya tidak mahu panjangkan masalah ini, iaitu di dalam hal percatuan sumber-sumber ekonomi ini. Hanya, saya dengan rendah hati ingin menyeru kepada Ahli Yang Berhormat dari Marang agar mengarah perancang dan pemikir-pemikir ekonomi di dalam parti PAS agar mengkaji prinsip-prinsip seperti kos melepas, prinsip comparative advantage dan prinsip allocation of resources, dengan izin.

Selepas itu, bolehlah kita bahaskan soal pembangunan ekonomi negara dengan lebih realistik dan berasaskan keilmuan. Pada masa itu, tidak akan keluar lagi rhetorica. Kalau Siam boleh eksport anggur, kita pun mesti eksport anggur; kalau Siam boleh eksport mangga tung dam, maka kita pun mesti berbuat demikian.

Rhetorica ini selalu dilaungkan oleh adik saya, Yang Berhormat dari Tumpat di dalam perbahasan-perbahasan di Dewan ini dan beberapa kali kita telah memberi penerangan, dilaungkan juga. Jadi saya harap, berasaskan prinsip-prinsip ini, Ahli-ahli Yang Berhormat faham mengapa negara mengambil strategi percatuan sumber-sumber ekonomi seperti yang diambil sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Pasir Mas dalam ucapan "buka tirai"nya menampakkan satu kegelojohan yang ketara, bertentangan dengan kehendak Ahli dari Marang yang mahu keilmuan menjadi teras segala hujah. Dengan suatu nada yang penuh keyakinan tentang kebenarannya, beliau mencantas rapat bakti kerajaan kepada rakyat termiskin melalui skim ASB.

Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menghisabkan bahawa penerima ASB di bawah skim PPRT hanya mendapat pendapatan 65 sen sahaja tanpa mengambil kira modal RM5000 yang menjadi haknya selepas penyelesaian hutangnya itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang paling penting ialah Yang Berhormat tidak sedar bahawa pemberian saham ASB adalah merupakan satu daripada banyak projek yang diberi oleh kerajaan di dalam bidang ikhtiarnya untuk mengurangkan bebanan kemiskinan kepada orang-orang yang termiskin.

Berbagai-bagai projek lain di dalam bidang pertanian dan perniagaan serta bantuan-bantuan sosial seperti buku-buku dan basikal percuma untuk anak-anak termiskin diberi oleh kerajaan. Mengapa tidak dihisabkan semua ini agar didapati pendapatan bersih secara agregat? Apakah Yang Berhormat tidak memberi nilai langsung terhadap daya usaha rakyat termiskin itu sendiri? Apakah sebelum skim ASB dilancarkan, pendapatan orang-orang miskin ini sifar? Saya fikir, istilah "papa kedana" yang Yang Berhormat gunakan terhadap rakyat termiskin ini tidaklah sampai ke tahap pendapatan sifar. Tentu sekali mereka sudah ada pendapatan asas yang malangnya di bawah paras yang kerajaan nilaikan sebagai termiskin.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kegelojohan untuk memerli, mempersendakan dan mencemuh kerajaan dan kepimpinan kerajaan yang dibuat tanpa landasan ilmu ialah mengenai kemerosotan undi majoriti Perdana Menteri di Kubang Pasu. Ahli dari Pengkalan Chepa mengagungkan pencapaian parti PAS di Kedah dengan menunjukkan kemerosotan undi majoriti calon-calon UMNO.

Walaupun isu ini bukanlah di bawah Kementerian Kewangan, saya terpaksa menjawabnya kerana dakwaan ini tidak dibuat di atas landasan keilmuan yang Ahli dari Marang menghutbahkan kepada kita semua. Apa yang dikatakan kemerosotan di Kubang Pasu dan lain-lain kawasan di Kedah adalah akibat dari perpecahan kawasan. Apabila kawasan Parlimen Jerlun ditubuhkan, lebih kurang 12,000 pengundi Barisan Nasional di kawasan Tunjang, iaitu di Kubang Pasu dipindahkan ke Jerlun. Ini bermakna Perdana Menteri kehilangan 12,000 pengundi Barisan Nasional.

Kalau hendak diikuti logik, majoriti Perdana Menteri sepatutnya tinggal 10,000 sahaja, tetapi Perdana Menteri telah mendapat 17,000 majoriti. Ini menunjukkan sokongan terhadap Perdana Menteri di Kubang Pasu tidak terjejas, malah meningkat! (*Tepuk*)

Yang Berhormat Pengkalan Chepa mungkin berasa puas dapat memaparkan apa yang dikatakan kelemahan Perdana Menteri. Yang Berhormat Pengkalan Chepa mungkin berasa puas juga dengan menunjukkan tanpa undi pos, Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Jeli dan Peringat tidak mungkin duduk di dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat dari Pasir Mas pun mungkin berasa puas dengan memperkecil-kecilkan usaha kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan.

Dari segi sifat keilmuan, saya ingin bertanya kedua Ahli Yang Berhormat ini, iaitu Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dan Yang Berhormat dari Pasir Mas, apakah ianya merupakan suatu eksais infutility, dengan izin. Kepuasan-nya, Yang Berhormat dapati itu adalah di atas asas yang salah, perkiraan yang tidak betul dan tidak selaras dengan apa yang selalu dilaung-laungkan mengenai dengan kehendak keilmuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mungkin cuba membawa Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut, dengan izin, too task andainya mereka tidak cuba melapikkan hujah-hujah mereka di atas prinsip-prinsip murni yang diajar oleh agama Islam seperti kebersihan hati, keikhlasan, tawaduk dan niat membina serta lain-lain prinsip yang murni. Saya pasti tidak mempertikaikan perkara ini andainya ianya dilakukan ataupun dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Hanya saya kecewa kerana bersama-sama ayat-ayat suci Al-Quran di hujung lidah, hujah-hujah sebegini diutarakan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat dari Santubong dan Wangsa Maju telah membangkitkan isu mengenai inflasi. Saya ingin menegaskan bahawa untuk mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang mampan, dalam keadaan kadar inflasi yang paling rendah atau inflasi sifar, kerajaan telah dan akan terus melaksanakan strategi dan langkah-langkah untuk mengatasi tekanan inflasi.

Antara langkah-langkah utama adalah:

- (i) mengawal peningkatan dalam peningkatan agregat melalui dasar belanjawan berhemat dan

wang yang ketat serta menggalakkan tabungan negara;

- (ii) mengurangkan kekangan penawaran seperti infrastruktur dan tenaga kerja mahir yang boleh menimbulkan tekanan kepada kos urus niaga dan upah;
- (iii) menghapuskan dan mengurangkan cukai import ke atas lebih 3,700 barang-barang import termasuk barangan makanan dan bahan-bahan perantaraan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam sesi soal jawab tadi;
- (iv) memperbaiki sistem penyebaran maklumat tentang perubahan dan perbezaan harga barangan bagi membolehkan pengguna membuat pilihan yang bijak;
- (v) membangunkan peranan persatuan-persatuan pengguna demi meningkatkan kesedaran hak pengguna;
- (vi) memperbaiki sistem pengedaran termasuk meliberalisasikan lesen import barangan makanan supaya barangan makanan lebih mudah diimport dijual dengan harga yang rendah; dan
- (vii) menggalakkan pengeluaran makanan tempatan dengan memperkenalkan tabung makanan dan memperbaiki lagi syarat-syarat untuk meningkatkan lagi penggunaannya.

Saya menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam supaya kerajaan mengawasi kos bahan

binaan. Sukacita saya nyatakan di sini bahawa simen adalah barangan terkawal. kerajaan sedang mempertimbangkan langkah-langkah yang sesuai dan yang perlu diambil untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran dan mengurangkan kos pengusaha-pengusaha simen tempatan.

Mengenai paksaan yang dikenakan oleh syarikat insurans yang berkehendakan tuan punya kereta membeli insurans tambahan semasa membeli perlindungan insurans bagi membaharui cukai jalan seperti yang diketengahkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Senai, saya ingin menegaskan di sini bahawa kerajaan memandang berat kepada kejadian yang tidak beretika ini. Bank Negara melalui garis panduan yang dikeluarkan pada 27 Disember 1991 telah mengarahkan syarikat-syarikat insurans supaya tidak memaksa orang ramai membeli polisi bukan bermotor sebagai syarat untuk mendapat polisi motor iaitu polisi motor mereka.

Saya harap Ahli Yang Berhormat dapat memanjangkan nama-nama ejen dan syarikat insurans yang terlibat untuk tindakan susulan oleh Bank Negara Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah membangkitkan isu mengenai kelambatan pemberian peruntukan kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa pemberian peruntukan kewangan tahunan kepada semua kerajaan negeri perlu melalui beberapa proses penelitian terlebih dahulu seperti mana yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Perundangan dan Jadual-jadual Pembayaran Pemberian berkenaan. Oleh itu adalah tidak benar tuduhan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang bahawa

kerajaan pusat sengaja melambatkan pemberian peruntukan kewangan kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Mengikut rekod Kementerian Kewangan, semua pemberian kewangan yang berhak diterima oleh Kerajaan Negeri Kelantan telah pun diberi dalam tahun kewangan yang berkenaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Marang dan Pasir Mas telah membangkitkan isu mengenai kemiskinan. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa kemiskinan mutlak tidak wujud di negara ini dibandingkan dengan beberapa negara ketiga yang lain. Apa yang wujud ialah kemiskinan relatif dan ini sedang ditangani secara berterusan oleh kerajaan. Kadar kemiskinan terus berkurangan daripada kira-kira 50% pada tahun 1970 kepada 13.5% pada tahun 1993. Ini adalah hasil daripada pelaksanaan berbagai program pengurangan kemiskinan yang memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti dan pendapatan serta memperbaiki taraf kehidupan di luar bandar termasuklah memperluaskan liputan bekalan air paip dan elektrik, pembinaan lebih banyak pusat kesihatan dan klinik luar bandar. Di kawasan bandar pula, kerajaan telah dan sedang berusaha dengan gigih menaikkan taraf dan kualiti hidup kumpulan miskin dengan menyediakan rumah-rumah kos rendah. Projek-projek ini sedang dilaksanakan di beberapa bandar antaranya di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bharu.

Saya ingin juga memberi penjelasan bahawa kadar kemiskinan golongan termiskin di Malaysia telah berkurangan daripada 19.6% pada tahun 1976 kepada 3% pada tahun 1993. Pengurangan ini sebahagian besarnya adalah hasil daripada kejayaan pelaksanaan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang telah menuduh bahawa peluang pembelian saham-saham yang besar hanya berpusing di keliling golongan korporat yang menjadi pembiayai politik (political financiers). Saya ingin menjelaskan bahawa pengagihan saham khas bumiputera adalah diberi keutamaan kepada institusi-institusi khususnya institusi-institusi amanah seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Koperasi Polis, Amanah Saham Negeri-negeri dan juga Yayasan-yayasan. Syarikat-syarikat bumiputera yang ditimbangkan juga akan dipertimbangkan sekiranya saham-saham yang diagihkan itu besar jumlahnya.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, pengagihan saham kepada individu-individu akan dipertimbangkan sekiranya ada cadangan daripada syarikat untuk menawarkan saham berkenaan kepada pengarah, kakitangan dan pemegang sahamnya. Pertimbangan pemberian saham kepada individu ini akan memastikan kepentingan bumiputera dalam syarikat berkenaan dapat dipertahankan dalam jangka masa panjang dan untuk membolehkan pihak pengurusan memiliki saham syarikat berkenaan. Pertimbangan yang dibuat semasa pengagihan saham-saham khas bumiputera adalah mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan tanpa dipengaruhi oleh sebarang unsur perhubungan peribadi dan politik mereka dengan kerajaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya ingin penjelasan Timbalan Menteri Kewangan dengan memberi butir-butir mengenai pengagihan saham-saham khas bumiputera yang di bawah bidang Kementerian Kewangan. Apabila MITI rela memberi butir-butiran, adakah ini bererti bahawa Kementerian Kewangan tidak begitu terbuka (transparent) apabila dibandingkan dengan MITI atau ada apa-apa yang perlu disembunyikan?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Speaker, tidak ada apa yang perlu kita sembunyikan. Cuma yang saya hendak nyatakan di sini soalan ini telah pun saya jawab minggu sudah. Mengenai dengan ketelusan, Yang Berhormat bolehlah mendapatkan butir-butir ini daripada syarikat-syarikat yang berkenaan. Dasar Kementerian Kewangan ialah tidak memberi nama-nama yang diminta oleh sesiapa sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu mengapa MITI ada satu dasar yang lain daripada Kementerian Kewangan? Adakah menjadi dasar Kerajaan Barisan Nasional mengadakan dua dasar yang berbeza dalam Kabinet yang sama?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Speaker, sebenarnya tidak mempunyai dasar yang berbeza. Apa yang kita pegang ialah dasar kementerian kita, tidak memberi ataupun tidak disclose nama-nama yang dipersetujui oleh kementerian untuk syarikat-syarikat mengagihkan saham-saham mereka. Itu sahaja. Ini dasar kementerian. Untuk MITI, tanya MITI lah Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pelaksanaan ekonomi berasaskan prinsip Islam, ianya perlu dibuat dengan berhati-hati dengan mengambil kira implikasinya terhadap perkembangan ekonomi negara. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk memperkenalkan instrument kewangan secara Islam seperti Perbankan Tanpa Faedah dan Takaful selari dengan instrument kewangan conventional supaya orang ramai dapat memilih instrument yang sesuai dengan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bandau, dalam usaha kerajaan untuk mencapai pembangunan ekonomi yang pesat bagi seluruh negara, kerajaan telah membuat perancangan setiap 5 tahun untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan bagi semua negeri termasuk negeri Sabah.

Dengan berakhirnya Rancangan Malaysia Keenam yang meliputi tempoh 1991 sehingga 1995 pada tahun ini, kerajaan telah pun mengambil tindakan untuk mengenal pasti projek-projek baru yang akan dilaksanakan di bawah tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh di samping projek-projek semasa yang perlu disambung dalam tahun 1996.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi negeri Sabah projek-projek pembangunan yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian-kementerian yang terlibat di bawah Rancangan Malaysia Keenam adalah meliputi peruntukan berjumlah RM2,591 juta. Projek-projek yang dilaksanakan adalah termasuk projek-projek infrastruktur dan kemudahan asas. Dari jumlah ini sebanyak RM520 juta adalah diperuntukkan bagi tahun 1995 untuk menyiapkan projek-projek yang telah dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh 1991 hingga 1995. Walau bagaimanapun, memandangkan sebahagian daripada projek-projek yang telah dirancang didapati tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dilakukan, maka projek-projek tersebut akan disediakan peruntukan untuk dilaksanakan seterusnya di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh bersama-sama projek baru yang sedang dikenal pasti oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah membangkitkan isu berkaitan dengan warganegara asing yang boleh menjadi remisier. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak mengenakan sebarang halangan ke atas mana-mana warganegara asing untuk dilantik menjadi wakil peniaga di syarikat-syarikat broker saham di negara ini. Walau bagaimanapun, permohonan daripada warganegara asing akan hanya dipertimbangkan setelah syarikat broker saham terlibat memenuhi 30% bilangan

wakil peniaga bumiputera di syarikat itu. Kelulusan kepada warganegara asing untuk menjadi wakil peniaga di syarikat-syarikat broker saham di negara ini tidak menjejaskan peluang wakil-wakil peniaga tempatan. Ini adalah kerana bilangan mereka adalah terlalu kecil . . . . .

**Tuan Wee Choo Keong:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Bukit Bintang.

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kelmarin kepada Menteri Kewangan ialah kenapakah kita memberikan peluang kepada mereka sedangkan warganegara kita beribu-ribu queunya untuk menjadi remisier? Itu soalnya. Kita mesti memberi peluang kepada warganegara kita dahulu sebelum kita hendak beri peluang kepada warganegara asing. Itu soalan saya. Bukannya kita hendak halang orang asing menjadi remisier di negara kita. Kita mahu diberi peluang kepada warganegara kita sebelum kita memberi peluang kepada orang-orang asing. Bolehkah beri penjelasan mengenai perkara ini? Terima kasih.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Speaker, Yang Berhormat sahabat saya dari Bukit Bintang ini dia tak sabar. Saya hendak jawab, ada dalam jawapan ini, sebelum habis dia sudah tanya.

Tuan Yang di-Pertua, kelulusan kepada warganegara asing untuk menjadi wakil peniaga di syarikat-syarikat broker saham tidak menjejaskan peluang wakil-wakil peniaga tempatan — itu yang saya kata tadi. Ini adalah kerana bilangan mereka adalah amat kecil. Semalam Yang Berhormat sebut dua orang sahaja, bukan? Dua orang, saya ingat. Dan tiada sebarang had bilangan wakil peniaga yang boleh dilantik oleh sebuah syarikat broker saham.

Perlantikan warganegara asing sebagai wakil peniaga juga boleh — yang ini penting — boleh memberi sumbangan kepada pasaran saham tempatan kerana mereka boleh menarik kemasukan dana-dana luar negara.

Jadi, pasaran saham kita bukan terhad untuk pasaran domestik (domestic market), ia menarik dana-dana daripada Singapura, daripada Thailand, daripada Amerika sekali pun. Jadi, dengan adanya remisier-remisier dari luar negeri yang bilangannya adalah insignificant dengan izin, akan mewujudkan satu pertalian ataupun connection, dengan izin, dengan sumber-sumber dana di luar negara. Jadi, itu yang pentingnya.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Bukit Bintang, boleh dikatakan kesemua pemohon-pemohon untuk mendapatkan lesen remisier dipertimbangkan dan diluluskan jikalau kelayakan itu cukup. Baru-baru ini pihak kementerian telah mengarahkan pihak yang berwajib untuk mempercepatkan proses pemberian lesen ini kepada pemohon-pemohon yang dahulu mengambil masa agak lama sedikit, tetapi sekarang telah pun dipercepatkan untuk mengatasi bilangan kekurangan remisier-remisier dari warga kita sendiri.

Ahli Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bahawa pada pandangan Yang Berhormat Dato' adakah Ahli dari Bukit Bintang ini sebenarnya dia memperbesar-besarkan masalah yang kecil — exaggerating? Oleh

kerana semalam apabila beliau memperkatakan dalam Dewan ini, dia kata ramai tetapi dia sebut 'dua'. Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bersetuju bahawa DAP ini memang selalunya 'exaggerating' fakta yang tidak jelas? Yang keduanya, dia suka menjadikan isu perkara yang tidak jelas dalam Dewan ini.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Sepaker, Yang Berhormat dari Bukit Bintang — yalah, kadang-kadang dia membangkitkan masalah-masalah yang samar yang kita menjawabnya dengan penuh keyakinan.

Tuan Speaker . . . . .

**Tuan Wee Choo Keong:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, dia bangun lagi.

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Itu soalan saya tadi atau kelmarin saya tak sebutkan hanya dua orang — itu jadi contoh sahaja. Saya kata masih mungkin ada ramai lagi. Dan juga bila kita memberikan permit kepada orang asing untuk bekerja di negara kita, pekerjaan itu mestilah satu kerja yang tidak boleh dijalankan atau dilaksanakan oleh warganegara kita, iaitu special skill. Jadi, remisier saya rasa tak ada apa special skill yang warganegara kita tak boleh buat. Dan juga kalau hendak dapat dana ataupun investment daripada negara luar, kita ada 'fund managers' dari bank-bank tempatan di sini, di mana mereka melalui fund managers untuk membeli saham atau investment. Jadi, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tidak berapa tepat. Bolehkah beri penjelasan sama ada remisier ini jadi satu special skill yang warganegara kita tidak boleh melaksanakan atau dibuat oleh warganegara kita? Itulah satu kondisi, saya rasa, yang di "stipulated" oleh kementerian. Terima kasih.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Memang, Tuan Speaker, itu adalah satu kondisi, bukan special skill tetapi special connection kepada dana-dana kewangan luar negara. Jadi, bukan kita beri hanya secara hentam kromo, tetapi kita beri mengikut selective process yang mengambil kira muslihat-muslihat untuk mendapatkan wang yang disalurkan ke dalam pasaran kewangan negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga membangkitkan lagi sekali soal masalah struggle dia dengan Tan Sri Loy. Lagi sekali dia bangkitkan masalah ini dan beliau telah membawa judgement yang dicatatkan di dalam *Malaysian Law Journal* di sini dan saya diminta oleh Yang Berhormat semalam agar melihat bahawa pihak Security Commission meneliti perkara-perkara ini dan saya berjanji kementerian akan mengarahkan Securities Commission untuk meneliti apa yang tercatat di sini. Jikalau ada apa-apa tindakan yang perlu diambil, bolehlah diambil. Jikalau tidak ada, apabila tidak diambil tindakan, janganlah Yang Berhormat memarahi kami pula . . . . .

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sama ada Yang Berhormat boleh ingat atau tidak pada sesi Parlimen yang lepas, Yang Berhormat juga ada buat satu perjanjian ataupun keterangan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Bank Negara masih siasat atas salah guna kuasa ataupun penyalahgunaan wang di MBF Finance oleh Tan Sri Loy Hean Heong, seorang Ketua Eksekutif MBF. Bagaimanakah keadaan siasatan itu pada masa sekarang? Bolehkah berikan kita satu penjelasan? Terima kasih.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Speaker, setakat ini tidak ada laporan yang dihantar kepada kementerian mengenai dengan hasil siasatan ini. Saya akan melihat mengenai kedudukan siasatan ini dan saya akan memberitahu Yang Berhormat di dalam ataupun di luar Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan di Dewan yang mulia ini. Pandangan dan teguran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuklah Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Serdang, Gaya dan Lumut telah pun di ambil maklum, dimana sesuai pandangan dan teguran ini akan dikaji dan diambil tindakan susulan jika difikirkan perlu.

Sekian, terima kasih, Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

4.20 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Kerk Choo Ting):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan Titah Ucapan Diraja mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Izinkan saya memberikan jawapan ke atas beberapa perkara tertentu yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Yan supaya diberikan skim vendor kepada pusat-pusat pemulihan, sukacita saya menjelaskan bahawa Program Pembangunan Vendor telah menetapkan syarat-syarat kelayakan untuk menyertai program ini seperti berikut:

- (i) syarikat perkilangan yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1995;

- (ii) berdaftar di bawah Skim Sub-contract Exchange di MITI;
- (iii) dana pemegang saham di antara RM100,000 dan RM2 juta;
- (iv) bersedia menerima panduan bimbingan serta perkhidmatan perundingan;
- (v) mempunyai unjuran untuk tiga sampai lima tahun mengenai aliran tunai pengambilan aset, peningkatan teknologi dan pengurusan berkaitan; dan
- (vi) mempunyai pekerja-pekerja mahir dengan pengalaman industri yang berkaitan.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat supaya IKS diperluaskan ke luar bandar untuk mengelakkan perpindahan belia ke bandar, MITI sememangnya sentiasa berusaha untuk mengimbangi pembangunan perindustrian di negara ini dengan memperluaskan IKS ke luar bandar melalui pelaksanaan Program Pembangunan Kawasan Perindustrian IKS.

Di antara kawasan-kawasan luar bandar yang sedang dibangunkan melalui program ini adalah seperti berikut:

- (1) Teluk Kalong, Terengganu
- (2) Pedas, Negeri Sembilan
- (3) Sungai Petani, Kedah
- (4) Majid Tanah, Melaka
- (5) Kuala Kangsar, Perak
- (6) Tanjong Gelang, Pahang

Sehingga kini seluas 274 hektar kawasan perindustrian IKS sedang dimajukan yang melibatkan sebanyak 1,504 unit kilang khususnya untuk IKS.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Seremban supaya kerajaan mewujudkan lebih banyak kilang-kilang di sektor

pengilangan yang ber'capital incentive', dengan izin dan masalah industri kecil dan sederhana yang menghadapi kesukaran mendapat modal dan maklumat perniagaan, masalah tapak kilang haram dan masalah pengilang tidak memenuhi keperluan undang-undang Jabatan Alam Sekitar. Sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan sememangnya menggalakkan pembangunan perindustrian yang berinsentif modal, nilai tambah yang tinggi dan berkualiti tinggi.

Untuk tujuan tersebut, beberapa skim bantuan untuk IKS telah disediakan oleh kerajaan, seperti Skim Pinjaman Modal Modenisasi dan Automasi dan Pinjaman Modal Meningkatkan Kualiti dan Produktiviti IKS. Di samping itu, kerajaan juga menyediakan Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian atau Industrial Technical Assistant Fund (ITAF), dengan izin, bagi membangunkan IKS dengan menggunakan teknologi tinggi, berdaya maju, berkualiti dan inovasi.

Sebagai langkah bagi menyelesaikan masalah tapak kilang haram, kerajaan telah melaksanakan Program Pembangunan Kawasan Perindustrian IKS di seluruh negara yang melibatkan kawasan seluas 311.7 hektar dengan 1,837 unit kilang. Kilang-kilang yang dibina di bawah program ini telah mensyaratkan bahawa setiap pengusaha mematuhi serta mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar sebelum mereka dibenarkan beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah, Ahli Yang Berhormat dari Yan, Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah dan Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara yang mendakwa hanya industri yang berteknologi tinggi yang tidak melibatkan tenaga kerja dimajukan dan juga penekanan kepada industri berinsentif modal, adalah menjadi dasar kerajaan pada masa kini untuk menggalakkan pertumbuhan industri-industri berteknologi tinggi yang tidak melibatkan tenaga kerja yang ramai.

Untuk tujuan tersebut, MITI telah meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 bagi memperkenalkan insentif kepada syarikat-syarikat berteknologi tinggi. Di bawah insentif ini, syarikat-syarikat berteknologi tinggi boleh memilih sama ada untuk mendapatkan insentif pengecualian cukai sepenuhnya selama lima tahun atau elaan cukai pelaburan sebanyak 60% daripada pembelanjaan modal yang layak.

Bagi melayakkan diri untuk mendapatkan insentif ini, syarikat-syarikat tersebut perlulah memenuhi dua kriteria utama iaitu perbelanjaan terhadap penyelidikan dan pembangunan R&D, dengan izin, sebanyak 10% daripada jualan kasar dan penggunaan graduan sains dan teknikal sekurang-kurangnya 7% daripada jumlah tenaga kerja. Di samping itu, syarikat-syarikat berkenaan juga mesti melibatkan diri di dalam aktiviti atau keluaran yang digalakkan yang telah pun dikenal pasti oleh kerajaan seperti bio-teknologi, elektronik terkini, optoelektronik, bahan terkini, automasi dan sistem pengilang fleksibel. Kelengkapan sistem peralatan kejuruteraan, perisian, ruang dan angkasa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi projek-projek pengilangan, semua syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 adalah diperlukan mendapat kelulusan bertulis daripada MITI sebelum menandatangani sebarang perjanjian pemindahan teknologi dengan pihak asing. Di dalam pertimbangan permohonan-permohonan perjanjian pemindahan teknologi, tempoh masa perjanjian yang dibenarkan oleh kementerian adalah bergantung kepada jenis dan tahap teknologi yang akan dipindahkan, sama ada tinggi, sederhana atau rendah. Bagi perjanjian yang melibatkan teknologi yang tinggi, tempoh masa perjanjian yang dibenarkan adalah lebih lama iaitu sehingga lima tahun.

Sebaliknya, perjanjian yang melibatkan teknologi rendah, tempoh masa yang dibenarkan adalah singkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria utama yang dititik-beratkan di dalam perjanjian-perjanjian pemindahan teknologi yang diluluskan oleh MITI ialah aspek latihan kepada pekerja-pekerja tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan peningkatan harga Proton seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, MITI mendapati terdapat beberapa sebab kenapa harga kereta Proton semasa adalah tinggi jika dibandingkan dengan harga ketika ianya mula-mula dipasarkan. Sebab utama kenaikan tersebut ialah peningkatan lebih dua kali ganda nilai tukaran mata wang Yen Jepun berbanding dengan Ringgit Malaysia. Sebarang peningkatan nilai tukaran mata wang Yen akan menyebabkan peningkatan nilai dalam Ringgit walaupun harga asalnya dalam Yen tidak berubah. Lazimnya kerajaan menerusi MITI mengawal kenaikan harga-harga kereta yang dijual di pasaran tempatan tetapi faktor tukaran mata wang asing seperti ini adalah di luar kawalan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Ahli Yang Berhormat dari Marang supaya kerajaan mengawasi pelaburan asing bagi mengelakkan penjajahan ekonomi asing, sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan telah melancarkan inisiatif pelaburan domestik pada tahun 1993 yang mengandungi enam strategi utama, iaitu:

- (i) meningkatkan kandungan tempatan;
- (ii) memperbaiki dan memperkukuhkan pasaran kewangan dan modal tempatan;
- (iii) mengenal pasti, memperkukuhkan dan membangunkan syarikat tempatan;

- (iv) membangunkan IKS tempatan;
- (v) meningkatkan keupayaan persatuan, pertubuhan perindustrian kebangsaan; dan
- (vi) pembangunan infrastruktur bagi industri tempatan.

Dengan langkah-langkah di atas adalah diharapkan dapat memberi peluang di kalangan pelabur-pelabur tempatan melibatkan diri di dalam perniagaan, terutamanya di bidang perkilangan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam, kerajaan telah menetapkan nisbah pelaburan domestik dengan pelaburan asing pada kadar 60:40. Sejak inisiatif pelaburan domestik dilancarkan adalah didapati bahawa pelaburan domestik telah meningkat dan mendahului pelaburan asing. Dalam tempoh tahun 1993/1994 nisbah pelaburan domestik adalah lebih tinggi berbanding dengan pelaburan asing iaitu pada kadar 51:49.

Dalam pembentangan Belanjawan 1995 kerajaan telah mengumumkan penubuhan Tabung Pelaburan Domestik (TPD), dengan izin, dengan jumlah peruntukan RMI bilion. Tabung ini akan mengemas kini dan menyatukan semua tabung dan program kewangan yang disediakan di bawah tanggungjawab MITI. Tujuan tabung ini adalah untuk merangsang pelaburan tempatan terutamanya industri kecil dan sederhana, mengadakan modenisasi teknologi, penyediaan penyelidikan dan pembangunan barangan jenama Malaysia serta meningkatkan pemasaran ke seluruh dunia. Kerajaan juga mempunyai kuasa dan mekanismenya yang cukup di bawah undang-undang yang sedia ada untuk mengawasi pelaburan asing supaya ianya

tidak menjejaskan kepentingan rakyat Malaysia dan menggalakkan penjajahan ekonomi asing.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang ingin saya berikan kepada beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih di atas teguran dan pandangan yang tidak sempat dijawab pada kali ini dan perkara tersebut akan diambil perhatian yang sewajarnya. Sekianlah, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

*4.34 ptg.*

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran mengenai bidang tugas Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Di sini saya ingin memberi maklum balas terhadap beberapa pandangan yang telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat dari kawasan Libaran telah menggesa supaya tarif elektrik di negeri Sabah diturunkan bagi mempercepatkan pembangunan di negeri itu. Yang Berhormat dari kawasan Lumut juga telah membangkitkan isu kenaikan tarif elektrik baru-baru ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dasar utama yang perlu ditentukan untuk penetapan tarif bekalan elektrik adalah seperti berikut:

- (i) kepentingan pengguna-pengguna dilindungi dari segi harga bekalan elektrik;

- (ii) pihak utiliti akan terus berupaya untuk membiayai kegiatannya dalam industri bekalan elektrik termasuk sistem-sistem bekalan elektrik untuk menampung keperluan tenaga elektrik yang semakin bertambah.

Tahap tarif bekalan adalah tertakluk kepada kos-kos untuk menyambungkan bekalan elektrik kepada pengguna-pengguna. Komponen utama kos membekal bekalan elektrik adalah kos penjanaan dan kos-kos penghantaran dan kos pembahagian. Kos penghantaran dan kos pembahagian bukan sahaja lebih kurang 30% daripada jumlah kos untuk membekal bekalan elektrik, bahkan juga lebih stabil dari segi keperluan pelaburan untuk menambahkan sistem-sistem penghantaran dan pembahagian. Kos yang diperolehi adalah kurang daripada yang diperlu oleh penjanaan. Ini bermakna bahawa dari segi kos merupakan membekal bekalan elektrik, penjanaan mempunyai kesan yang lebih iaitu sebanyak 70% kepada harga bekalan elektrik daripada kos penghantaran dan pembahagian.

Untuk kos penjanaan, kos-kos yang terlibat adalah seperti berikut; kos loji dan kelengkapan, kos kewangan, kos bahan api, kos kendalian dan senggaraan dan kos margin rizab. Namun demikian, kos yang paling besar yang mempengaruhi kos penjanaan adalah kos loji, kos kewangan dan kos bahan api. Dari anggaran untuk penjanaan menggunakan bahan api, purata kos yang berkaitan dengan kewangan dan kos bahan api adalah lebih daripada 50%.

Daripada perkara di atas dapatlah dilihat bahawa tarif yang ditetapkan tertakluk kepada kos untuk membekal bekalan elektrik. Ini bermakna jikalau kos membekal bekalan elektrik adalah tinggi, maka tarif bekalan elektrik akan menjadi tinggi. Dari aspek ini, kos menyampaikan bekalan

elektrik di negeri Sabah adalah pada keseluruhannya lebih tinggi jika dibanding dengan kos membekal elektrik di Semenanjung Malaysia.

Kerajaan memang menyedari kesannya tarif bekalan elektrik kepada pembangunan dan ekonomi negara. Oleh itu, kerajaan adalah bertanggungjawab untuk mengawal tarif supaya tarif itu adalah paling rendah dan negara dapat terus bersaing dalam arena antarabangsa serta terus membangun. Untuk menentukan tarif yang munasabah, kerajaan telah menetapkan dasar mempelbagaikan sumber tenaga seperti dengan menggunakan gas dan hidro di samping menggunakan sumber yang murah dan stabil seperti arang batu. Pada keseluruhannya, tarif elektrik di Malaysia adalah antara yang terendah di rantau ini sejak tahun lapanpuluhan hingga sekarang. Dijangka juga walaupun perubahan kos-kos dialami sekarang dan di masa depan, tarif elektrik di Malaysia akan kekal kompetitif.

Sektor penjanaan masih bergantung besar kepada gas sebagai bahan api. Harga gas itu adalah terikat kepada harga minyak dan harga minyak tertakluk kepada perubahan di pasaran dunia. Ini mengakibatkan penetapan tarif perlu diselaraskan dari masa ke semasa mengikut harga minyak dipasaran dunia. Namun demikian, kerajaan menyedari keperluan tenaga elektrik semakin meningkat, kerajaan akan terus berusaha untuk mencari sumber yang murah untuk penjanaan tenaga elektrik supaya mengurangkan penggantungan besar kepada minyak dan gas seperti membangunkan penjanaan tenaga elektrik hidro di Bakun.

Adalah ditegaskan bahawa apa-apa tarif yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada kos untuk membekal bekalan elektrik. Kos-kos itu akan dikawal dalam langkah memilih sumber bahan api supaya penjanaan yang lebih ekonomik dapat menghasilkan tarif

bekalan elektrik yang munasabah memandangkan industri bekalan elektrik adalah berjenis monopoli dan akan memberi kesan kepada pembangunan negara dan ekonomi negara. Semua tarif bekalan elektrik akan dapat diperkenalkan setelah diluluskan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada penjelasan tersebut, adalah dimaklumkan kadar tarif elektrik di Sabah belum dapat diturunkan atau diseragamkan dengan tarif elektrik di Semenanjung Malaysia disebabkan oleh perkara-perkara yang berikut:

- (i) Sebahagian besar lebih kurang 50% daripada punca ataupun sumber penjanaan tenaga elektrik di Sabah adalah menggunakan bahan bakar diesel. Penjanaan tenaga yang menggunakan bahan bakar diesel ini melibatkan kos penjanaan yang lebih tinggi.
- (ii) Penjanaan tenaga yang menggunakan stesen janakuasa diesel khususnya di kawasan luar bandar Sabah akan melibatkan kos penjanaan bagi setiap unit tidak kurang daripada RM1, sedangkan pengguna-pengguna domestik di kawasan luar bandar di Sabah hanya dikenakan bayaran 26 sen sahaja bagi setiap unit yang digunakan. Ini bermakna Lembaga Letrik Sabah (LLS) terpaksa menampung lebihan kos penjanaan sebanyak 74 sen seunit bagi kawasan-kawasan di luar bandar.

Sekiranya Lembaga Letrik Sabah menurunkan kadar tarif yang sedang berkuat kuasa, ianya akan menjejaskan prestasi kewangan Lembaga Letrik Sabah . . . . .

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Tuaran bangun minta jalan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian Yang Berhormat telah pun merancang beberapa projek hidro tetapi rancangan-rancangan ini hanya terus menjadi rancangan, belum pula dilaksanakan. Tadi Yang Berhormat berkata belum dapat diturunkan harga elektrik di negeri Sabah, ini bererti negeri Sabah akan ketinggalan terus di dalam pembangunan perindustrian oleh kerana pembangunan perindustrian adalah berasaskan penjanaan kuasa elektrik yang murah. Jadi, dapatkah kementerian Yang Berhormat mempercepatkan lagi pelaksanaan beberapa hidro yang telah dirancangkan beberapa tahun yang sudah-sudah.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sabah itu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, beberapa rancangan seperti mana yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat telah pun diadakan dan telah pun di peringkat akhir. Dan kementerian saya yakin bahawa tidak lama lagi, ada satu dua rancangan akan dimulakan tidak lama lagi. Saya harap pada hujung tahun ini juga satu dua rancangan yang telah pun dirancangkan ini akan bermula.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya telah katakan tadi, kalau sekiranya pihak Lembaga Letrik Sabah (LLS) menurunkan kadar tarif yang sedang berkuatkuasa, ianya akan menjejaskan prestasi kewangan LLS yang mana ketika ini berada pada satu tahap yang tidak memuaskan, khususnya dari segi aliran wang tunai. Ini disebabkan kos pengeluaran bagi setiap unit iaitu 25 sen berbanding dengan purata kadar tarif perindustrian yang dikenakan kepada pengguna-pengguna di Sabah sebanyak 24 sen seunit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Lumut telah membangkitkan perkara mengenai caj telefon bagi panggilan tempatan mengikut masa panggilan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, caj telefon Malaysia semenjak penswastaannya pada tahun 1987 tidak pernah dinaikkan. Kementerian sedang mengkaji soal tarif telefon di negara ini. Dalam kajian ini kementerian akan mengambil kira semua aspek termasuk kepentingan pengguna dilindungi dari segi tarif telefon. Kajian ini diharap dapat diselesaikan tidak berapa lama lagi dan apabila selesainya kajian, kerajaan akan membuat satu pendirian mengenai tarif telefon.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja respond saya terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini semasa membahaskan Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekiranya ada perkara-perkara yang tidak dapat saya menyentuh, saya minta maaf tetapi walau bagaimanapun, kementerian saya akan mengambil perhatian kepada semua perkara mengenai kementerian ini yang telah pun dibangkitkan dan berjanji akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Kementerian Kerja Raya.

4.45 ptg.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Railey bin Haji Jaffrey):** Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong. Sedapat mungkin saya akan menjawab atau memberikan penjelasan kepada semua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Keningau mendakwa bahawa jalan-jalan raya besar daripada Kota Kinabalu ke Sandakan dan Kota Kinabalu ke Kudat amat buruk kerana tidak ada pemeliharaan (maintenance).

Ahli Yang Berhormat dari Julau pula telah meminta supaya di sediakan peruntukan pembaikan jalan di kawasan Parlimen Julau di Sarawak kerana didapati telah banyak yang rosak.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan bahawa kerajaan memberi 'geran' peruntukan untuk kerja-kerja penyenggaraan jalan raya di negeri-negeri. Kerajaan negerilah yang akan menentukan keutamaan kerja-kerja penyenggaraan sesuatu jalan raya itu. Bagi jalan-jalan persekutuan pula, peruntukan juga disediakan mengikut keutamaan yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kerja-kerja mengaspal atau membubuh tar Jalan Bunsadan di Pekan Kota Marudu yang telah terhenti, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa Jalan Bunsadan di Pekan Kota Marudu adalah jalan penghubung di antara Jalan Kota Marudu - Tandek dan Jalan Lotong sepanjang 3 kilometer. Peruntukan untuk mengaspal atau mengtar jalan tersebut adalah di bawah program Jalan Luar Bandar Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Kementerian Kerja Raya difahamkan bahawa peruntukan yang diluluskan pada tahun 1995 untuk kerja-kerja pengaspalan jalan berkenaan adalah sebanyak RM1 juta sahaja. Kerja-kerja pengaspalan telah

bermula dari Jalan Lotong menuju ke Jalan Kota Marudu – Tandek. Kerana daripada segi keutamaan, kerja-kerja pengaspalan perlu dimulakan daripada bahagian tersebut kerana terdapat lebih banyak kawasan penempatan berbanding dengan kawasan berhampiran Kota Marudu.

Oleh itu, soal kerajaan membezakan penduduk sesuatu negeri, daerah ataupun mukim dalam menentukan sesuatu projek pembangunan seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak timbul. Peruntukan yang diluluskan hanya dapat mengaspal sepanjang 2.4 kilometer sahaja di jalan tersebut. Peruntukan bagi membiayai baki jalan sepanjang 0.6 kilometer yang belum diaspal akan dipohon kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pembinaan jambatan merintang Sungai Rajang yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lanang, suka saya memaklumkan bahawa projek berkenaan akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Pada masa ini kerja-kerja reka bentuk terperinci dan penyediaan dokumen-dokumen tender jambatan yang sesuai sedang dijalankan dan dijangka akan selesai pada penghujung tahun 1996. Sekiranya kerja-kerja pembinaan jambatan ini dapat dimulakan pada awal tahun 1997, ianya dijangka akan dapat disiapkan pada tahun 1999. Oleh yang demikian, jambatan yang diimpikan oleh Ahli Yang Berhormat ini dan rakyat Sarawak akan menjadi kenyataan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas teguran dan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Yan yang menyentuh mengenai program projek khas penyelenggaraan bangunan-bangunan kerajaan terutama sekali sekolah-sekolah. Saya mengambil perhatian di atas teguran ini dan akan memastikan pelaksanaannya akan mencapai matlamat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar kawasan pesisir di negeri Sarawak berpotensi daripada segi ekonomi jika dimajukan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Santubong dan Dewan yang mulia ini, projek pembinaan jalan pesisir di seluruh negeri Sarawak telah dirancang oleh kerajaan negeri untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Walau bagaimanapun, memandangkan kos pembinaannya terlalu tinggi, kerajaan negeri Sarawak telah meminta kerajaan pusat melaksanakan projek berkenaan. Permohonan kerajaan negeri Sarawak ini kini sedang dipertimbangkan oleh kerajaan pusat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Libaran meminta supaya sistem jalan raya di Sabah dinaikkan taraf dan diperbaiki dari masa ke semasa. Menurut beliau pada tahun 1990 peratusan jalan-jalan raya yang tidak ditar di Sabah adalah sebanyak 66% berbanding dengan 15% sahaja di Semenanjung Malaysia. Sistem jalan raya yang kurang baik telah menyebabkan kos pengangkutan barangan dalam negeri Sabah terlalu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti telah kerap kali diberitahu dalam Dewan yang mulia ini pelaksanaan sesuatu projek pembangunan infrastruktur lebuhraya atau jalan raya mengambil kira beberapa faktor iaitu keadaan muka bumi, keutamaan projek kajian alam sekitar dan juga bergantung kepada kemampuan kewangan negara. Memang menjadi hasrat kerajaan untuk mewujudkan satu sistem rangkaian jalan raya yang terbaik di seluruh negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan telah pun menyediakan peruntukan yang besar dalam Rancangan Malaysia Keenam yang dirasakan akan mencukupi bagi melaksanakan projek-projek infrastruktur jalan raya di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Libaran, pada masa ini panjang jalan yang telah dibubuh tar bagi negeri Sabah adalah sepanjang 945 kilometer (89.4%). Jumlah jalan yang belum dibubuh tar pula hanyalah sepanjang 111.53 kilometer.

Ahli Yang Berhormat dari Libaran juga inginkan penjelasan mengenai pengagihan peruntukan berjumlah RM182 juta bagi melaksanakan kerja-kerja mengganti paip lama dan mengagihkan bekalan air ke kawasan yang belum mendapat bekalan air bersih di sini. Ketiadaan bekalan air telah menjejaskan pertumbuhan industri di kawasan beliau iaitu Libaran. Beliau juga telah mempersoalkan kadar tarif air di Sabah adalah terlalu tinggi iaitu purata 90 sen setiap 1,000 liter bagi kadar komersil, berbanding hanya 83 sen di Sarawak dan 70 sen di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa peruntukan RM182 juta yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah diperuntukkan untuk melaksanakan projek serta merta bekalan air Sabah. Walau bagaimanapun, projek ini masih lagi dalam peringkat kajian dan pelaksanaannya akan dibuat sebaik sahaja kajian selesai. Mengenai tarif air ianya adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, kerajaan berpendapat kadar tarif yang dikenakan pada masa ini adalah berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sahaja penjelasan saya mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Bandau minta jalan. Hendak beri atau tidak?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Boleh.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri berkenaan. Tadi telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa jumlah kilometer jalan raya yang telah ditar setakat ini adalah 945 kilometer dan mengikut janji Barisan Nasional dalam manifesto pilihan raya tahun lalu adalah untuk mengaspal 2,000 kilometer dalam tahun 2000 iaitu 4 tahun dari sekarang—sekarang tiga tahun setengah. Saya ingin bertanya adakah perancangan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan dan projek-projek yang akan dilaksanakan boleh mencapai matlamat 2,000 kilometer ini dalam kira-kira tiga setengah tahun lagi seperti yang sedia ada.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, rancangan untuk mengaspal sepanjang 2,000 kilometer sehingga tahun 2000 itu merupakan satu projection yang kita anggap boleh dicapai jika ada kemampuan kita dan adanya keperluan jalan yang perlu diaspal pada waktu itu. Tetapi setakat ini kita hanya berpandukan kepada keperluan semasa yang bermakna hanya 111.53 kilometer lagi yang belum diaspal. Pada tahun-tahun akan datang sehingga tahun 2000, jika wujud jalan-jalan yang dilihat sebagai 'priority' dalam perkiraan JKR, ini bermakna kita akan teruskan dengan rancangan seperti janji-janji kita dalam pilihan raya, sama ada hingga tahun 2,000 ataupun lebih daripada tahun itu.

Jadi, saya meneruskan dengan isu.....

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** (Bangun)

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat ada dua yang bangun. Hendak beri kepada yang mana satu?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Libaran.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Libaran.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Terima kasih. Penjelasan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah kelambatan projek perbekalan paip air yang diberikan peruntukan sebanyak RM182 juta itu disebabkan oleh masalah di Kementerian Kerja Raya di negeri Sabah?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, peruntukan sebanyak RM182 juta itu merupakan pinjaman kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah air dengan serta-merta dengan menggantikan paip, membesarkan loji dan sebagainya. Kelambatan yang berlaku bukanlah disebabkan oleh kerajaan pusat, tetapi apa yang berlaku sekarang ialah perundingan berhubung dengan perkara-perkara logistik dan perkara-perkara yang memerlukan teknikal dan sebagainya yang masih lagi dalam perundingan.

Saya rasa, insya-Allah, dalam sedikit masa lagi kita akan dapat memulakan projek ini dan seterusnya kita akan dapat menyelesaikan masalah air seperti yang kita harap-harapkan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sudah habis, Yang Berhormat.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Bolehlah Tuan Yang di-Pertua. Last.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa pencapaian pengaspalan 2,000 kilometer jalan raya di Sabah itu ialah projection mengikut keperluan dan juga kemampuan kewangan negara. Saya ingin bertanya, adakah kementerian Yang Berhormat sedar bahawa di Sabah, terutamanya di luar bandar memang banyak keperluan untuk pengaspalan jalan-jalan raya dan saya percaya bahawa jabatan-jabatan terutama sekali Jabatan Kerja Raya negeri Sabah telah pun menghantar beberapa permohonan untuk pengaspalan jalan raya, misalnya di kawasan saya di Tuaran, bukan sahaja permohonan telah disampaikan tetapi adakala tender-tender dikeluarkan tetapi kerja-kerja yang dimaksudkan belum pula dilaksanakan walaupun ada keperluan. Saya rasa penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu ada percanggahan sedikit dengan keperluan sebenar. Jadi, saya minta penjelasanlah apakah keperluan yang dimaksudkan yang menyebabkan kelewatan pengaspalan jalan-jalan raya di negeri Sabah?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu kena faham, perkara pengaspalan jalan ini, bukan semua tertakluk di dalam bidang kuasa Jabatan Kerja Raya. Di peringkat negeri ada juga tanggungjawab yang dijalankan oleh Majlis Daerah. Ada juga yang dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri dan ada juga yang dijalankan oleh Kementerian Luar Bandar di mana ada di antaranya Jabatan Kerja Raya terlibat dan ianya tentulah fungsi dan tanggungjawab Jabatan Kerja Raya sendiri.

Kedua, perlu juga kita mengambil ingatan bahawa di dalam melaksanakan projek-projek yang seumpamanya, sama ada jalan, air, bangunan dan sebagainya, perkara-perkara yang berlaku merupakan perkara-perkara biasa. Kadang-kadang

kita menyediakan sesuatu, merancang sesuatu untuk disiapkan dalam jangka masa tertentu tetapi oleh kerana sebab-sebab dan ada masalah-masalah yang tidak dapat dielakkan berlaku dalam ketika kita cuba melaksanakan.

Jadi, inilah barangkali yang menyebabkan kelambatan-kelambatan yang berlaku iaitu soal pentadbiran sebenarnya. Saya rasa begitulah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, dengan itu saya rasa telah menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Tuaran sebentar tadi.

Akhir sekali, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan perkara-perkara yang ada hubung kait dengan Kementerian Kerja Raya dan saya rasa telah menjawab kesemua perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Kalau ada perkara-perkara yang tertinggal, yang tidak dijawab insya-Allah, saya akan mengambil perhatian untuk dipertimbangkan pada masa-masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Kementerian Pertanian.

*5.01 ptg.*

**Menteri Pertanian (Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud):**  
Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian, teguran serta syor yang membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertanian.

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah membangkitkan persoalan mengenai kekurangan tumpuan pihak kerajaan terhadap industri pengeluaran makanan

dalam mengejar pertumbuhan ekonomi tempatan sehingga terdapat sawah-sawah padi ditebus guna untuk tujuan projek-projek industri dan lain-lain projek komoditi bernilai tinggi. Menurutnyalah, strategi meningkatkan industri makanan dan pertanian adalah sangat penting dan tidak boleh diabaikan memandangkan dari segi sekuriti makanan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan bahawa kenyataan Ahli Yang Berhormat adalah kurang tepat. Ini kerana pada dasarnya kerajaan tidak pernah mengabaikan industri pengeluaran makanan di negara ini. Sebaliknya kerajaan sangat sedar terhadap kepentingan industri makanan dan pertanian terhadap sekuriti makanan negara. Salah satu dari strategi dasar pertanian negara ialah peningkatan pengeluaran makanan untuk menjamin bekalan yang mencukupi memenuhi permintaan makanan negara. Kementerian Pertanian akan sentiasa memberi tumpuan kepada pengeluaran tanaman makanan yang mencukupi serta selamat melalui penggunaan sumber-sumber secara optimum, penggunaan teknologi dan peningkatan penyelidikan pembangunan yang sesuai. Misalnya kerajaan akan terus berusaha untuk menjamin supaya negara dapat mengeluarkan sekurang-kurangnya 65% daripada keperluan beras negara dengan sumber yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan persoalan terdapatnya sawah-sawah padi ditebus guna bagi tujuan projek dan lain-lain komoditi, saya suka menyatakan bahawa aktiviti tersebut memang wujud tetapi ianya tidaklah membimbangkan. Ini adalah kerana kawasan yang terlibat, kawasan sawah yang ditukar kegunaannya merupakan kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti kurang berdaya maju untuk diteruskan dengan tanaman padi disebabkan oleh masalah-masalah tertentu umpamanya kekurangan air. Sebaliknya untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1986 seluas 15,500 hektar tanah sawah terbiar telah dipulihkan dan dari kawasan tersebut lebih 65% dipulihkan untuk tanaman padi. Di samping itu, tanaman juga dijalankan di kawasan sawah terbiar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batang Lupar pula telah membangkitkan 3 persoalan berhubung dengan projek-projek terutama Integrated Agricultural Development Project (IADP), dengan izin, di kawasan Bajong, Hilir Rejang, Samarahan dan Kalaka – Seribas di Sarawak yang dianggap satu dasar yang menyeluruh perlu dilaksanakan memandangkan tanah-tanah di Sarawak agak luas dan ianya masih belum diterokai.

Dasar kerajaan mengenai pembangunan IADP pada masa ini adalah memadai dan akan diteruskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Menyentuh cadangan Yang Berhormat yang mencadangkan projek IADP bagi kawasan-kawasan baru di Sarawak, sukaulah saya menyatakan keputusan ini adalah tertakluk kepada kajian-kajian kemungkinan projek-projek tersebut yang akan dilaksanakan tidak lama lagi, insya-Allah, akhir tahun ini ataupun pada tahun 1996. Menyedari bahawa konsep pembangunan IADP adalah sesuai bagi memajukan kawasan-kawasan di Sarawak, maka kajian untuk memperluaskan kawasan IADP Kalaka – Seribas sedang dijalankan dan dijangka siap pada akhir tahun ini ataupun di tahun akan datang.

Dengan pelaksanaan fasa dua projek tersebut, adalah diharapkan bahawa sebahagian besar kawasan Seribas yang juga meliputi kawasan pesisir Batang Lupar akan mendapat faedah dari pembangunan ini. Setakat ini, kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan satu dasar yang menyeluruh bagi pembangunan IADP yang memberi tumpuan kepada

penyediaan infrastruktur, jalan dan saliran, memandangkan tahap dan keperluan pembangunan IADP-IADP di seluruh negara adalah berbeza.

Walau bagaimanapun, menyedari bahawa kemudahan-kemudahan infrastruktur merupakan asas pembangunan kawasan-kawasan berkenaan, maka penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur jalan dan saliran telah diberi keutamaan dalam pembangunan kebanyakan IADP.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah mengesyorkan supaya kawasan tanah yang cukup . . . . .

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat Datuk Menteri, Batang Lupar minta jalan.

**Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Sila, Batang Lupar.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut maklumat yang saya terima, sebagaimana Datuk telah sebut, IADP Kalaka – Seribas yang mendapat peruntukan daripada ADB yang dipinjam oleh pihak kerajaan dan akan diturunkan ke kawasan hiliran Seribas iaitu termasuk dalam kawasan Batang Lupar. Jawapan Datuk tadi tepat dan terima kasihlah atas jaminan demikian tetapi apa yang menjadi satu kebimbangan ialah kawasan Sebanggan – Bajong juga daripada kawasan Batang Lupar yang mana kaji selidik telah siap semenjak tahun 1991 dan soalnya sama ada peruntukan kewangan sama ada dipinjam dari ADB ataupun World Bank sudah diluluskan. Perbelanjaan yang dikatakan diperlukan

ialah di antara RM58 juta ke RM65 juta. Jadi, peringkat manakah sudah pencapaian ataupun penerimaan Kerajaan Pusat ataupun kementerian Yang Berhormat Datuk soalan sumber kewangan untuk IADP Sebangon – Bajong dan juga Hiliran Rejang? Terima kasih.

**Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Saya tidak dapat memberi detail jawapan dalam masalah ini tetapi walau bagaimanapun, memanglah menjadi hasrat kita untuk memberi keutamaan kepada pembangunan IADP khususnya di negeri Sarawak kerana kita yakin ini akan dapat memberi faedah kepada rakyat terutama sekali pada masa ini memang ada rancangan kerajaan negeri untuk mengadakan jalan raya di tepi-tepi laut. Insya-Allah, kita akan mengambil perhatian atas cadangan Yang Berhormat dan sekiranya peruntukan mencukupi, insya-Allah kita akan melaksanakannya.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah mengesyorkan supaya kawasan tanah yang cukup perlu disediakan oleh kerajaan untuk menanam sayur-sayuran dan kementerian hendaklah memastikan bekalan hasil makanan tidak berkurangan di kawasan beliau. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini pengeluaran sayur-sayuran negara adalah pada tahap sara diri 75% hingga 80%. Bagi memenuhi permintaan tempatan dan eksport, kerajaan telah menetapkan matlamat pengeluaran sayur-sayuran sebanyak 1.5 juta tan pada tahun 2000. Pengeluaran ini adalah pada tahap sara diri 115%.

Untuk mencapai matlamat ini, tanaman sayur-sayuran akan digalakkan dan kawasan-kawasan penanaman akan diperluaskan. Tumpuan akan diberikan ke arah peningkatan amalan dan pengurusan ladang bagi meningkatkan pengeluaran produktiviti dan kualiti hasil ladang dan satu sistem pemasaran yang teratur dan

efisien akan dibangunkan untuk memberi manfaat kepada pengeluar, pembekal dan pengguna. Tumpuan juga akan diberi kepada keluaran sayur-sayuran secara selamat melalui pengurangan penggunaan racun kimia untuk kawalan perosak tanaman dan pengawalan. Kawalan secara bersepadu ataupun integrated biology, dengan izin, dengan menggunakan serangga, bakteria dan tanaman yang berfaedah.

Penempatan tanah untuk tujuan pertanian adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Saya harapkan Yang Berhormat berkenaan dapat membangkitkan perkara ini dengan pihak berkuasa kerajaan negeri.

Yang Berhormat dari Pasir Mas pula telah membangkitkan persoalan berhubung dengan subsidi padi. Menurut beliau, wujudnya subsidi dari kerajaan untuk padi dan ternakan diberi mengikut sokongan politik. Untuk makluman Yang Berhormat, subsidi padi adalah diberi kepada semua petani yang mengusahakan tanaman padi yang berdaftar dengan Penyelia Pembangunan Mukim. Pemberian ini dilakukan melalui Pertubuhan Peladang kawasan KADA.

Ahli Yang Berhormat tersebut juga telah membangkitkan soal jalan-jalan batas dan jambatan di sektor pertanian yang menurut beliau tidak dijaga, dibaiki oleh agensi yang berkenaan iaitu KADA. Saya suka menjelaskan bahawa penyelenggaraan kemudahan infrastruktur pertanian dalam kawasan KADA adalah juga dipertanggungjawabkan kepada berbagai agensi selain dari KADA seperti Jabatan Kerja Raya yang bertanggungjawab dalam menyelenggarakan jalan-jalan raya utama termasuk kemudahan jambatan. Pejabat Tanah dan Jajahan pula bertanggungjawab menyelenggara jalan-jalan kampung dan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang berkaitan sementara KADA adalah

bertanggungjawab memberi kemudahan laluan ke atas jalan-jalan KADA yang lebarnya kurang dari 40 kaki iaitu jalan-jalan batas tali air, sungai atau parit serta jambatan batu kecil yang berkaitan. Dari masa ke semasa, KADA sentiasa menyelenggarakan jalan atau batas dan jambatan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, kemalangan-kemalangan yang berlaku adalah di luar bidang kuasa KADA tetapi kerjasama dan tanggungjawab ibu bapa ke atas keselamatan anak-anak adalah penting.

Yang Berhormat Arau . . . . .

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Datuk, Tumpat minta jalan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar dalam pemberian baja padi di negeri Kelantan ini adalah tidak adil?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Kerajaan Kelantan terpaksa menyediakan peruntukan untuk memberi subsidi padi kepada rakyat? Ini adalah merupakan ekor daripada diskriminasi yang telah dilakukan oleh pihak JPP atau pegawai-pegawainya di peringkat bawahan. Apakah pihak kerajaan tidak ada suatu perancangan untuk mengadakan apa-apa tindakan terhadap penghulu-penghulu mukim yang dilantik oleh pihak JPP yang tidak mahu memberi kepada penyokong-penyokong parti lain?

**Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar berlakunya perkara seperti ini. Walau bagaimanapun, kita dapat tahu juga bahawa ada wujudnya ketidakadilan di pihak PAS

juga yang berbuat demikian di kalangan penyokong-penyokong Barisan Nasional. (*Tepuk*) Ini terbukti, Tuan Yang di-Pertua.

Ahli Yang Berhormat dari Libaran pula meminta pihak FAMA menyediakan sistem pemasaran yang sistematik bagi memasarkan hasil-hasil pertanian di negeri Sabah.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Menteri, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Untuk Ahli Yang Berhormat . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Hendak beri?

**Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Saya rasa dia sudah diberi banyak kesempatan. Biarlah saya jawab, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tak beri, Yang Berhormat.

**Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Untuk makluman Yang Berhormat, FAMA memang mempunyai program untuk memperbaiki sistem pemasaran pertanian di seluruh negara. Bagaimanapun, ini perlu dikaji dari masa ke semasa supaya dapat kita memperbaiki lagi acara pemasaran untuk keuntungan petani.

Ahli Yang berhormat dari Bintulu pula telah membangkitkan masalah nelayan pantai atau tradisi di kawasannya tidak

dibenarkan menangkap ikan di kawasan 3 batu dari pantai, sedangkan kawasan tersebut merupakan kawasan bagi mereka menangkap ikan atau udang.

Saya ingin menjelaskan bahawa dakwaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bintulu yang menyatakan nelayan tradisi tidak dibenarkan menangkap ikan di perairan 3 batu itu adalah tidak benar. Sebaliknya, nelayan tradisi bebas menangkap ikan. Bagi makluman Yang Berhormat, penangkapan ikan di perairan Sarawak amnya dan Bintulu khususnya adalah tertakluk kepada Peraturan Perikanan Kelautan Sarawak 1976.

Tujuan penangkapan diadakan adalah untuk mengelak perebutan kawasan tangkapan antara nelayan tradisi dengan nelayan komersial. Bot-bot menangkap ikan yang mengusahakan pukut-pukat tradisi adalah bebas untuk menjalankan usaha menangkap ikan mereka di mana sahaja termasuk kawasan di dalam lingkungan 3 batu nautika daripada pantai ataupun luar daripada 3 batu nautika sehingga ke sempadan Zon Ekonomi Eksklusif negara. Ini adalah satu keistimewaan yang diberikan kepada nelayan tradisi yang merupakan kira-kira 70% dari jumlah nelayan yang dilesenkan di Sarawak.

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Menteri, Tuan bangun.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa larangan penangkapan ikan di kawasan 3 batu di persisiran pantai itu tidak betul. Saya tidak mempertikaikan kenyataan Yang Berhormat Menteri, tetapi apa yang saya faham di kawasan

saya sendiri pun banyak laporan yang saya terima sedemikian dan di dalam keadaan yang sedemikian, ada kemungkinan besar bahawa pihak-pihak penguat kuasa di Sarawak dan juga di negeri Sabah ada kekeliruan. Jadi, saya minta agar kementerian Yang Berhormat dapat memberi panduan khas ataupun yang lebih jelas di dalam hal ini oleh kerana bagi nelayan-nelayan, penangkapan ikan adalah punca mata pencarian seharian ataupun kehidupan seharian, maka kalau cara mereka menangkap ikan itu terjejas, sekali pun ia akan menyebabkan kesulitan dalam hidup seharian. Saya harap kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian untuk memberi penjelasan kepada pihak berkuasa di kedua-dua negeri.

**Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada pun syarat yang saya sebutkan tadi ialah khusus untuk negeri Sarawak kerana itu berpandukan kepada undang-undang ataupun peraturan di negeri Sarawak kerana di sini berlainan sedikit dan di Sabah berlainan. Walau bagaimanapun, nelayan tradisi itu memang mempunyai kebebasan. Mereka boleh menangkap ikan dari tepi pantai sehingga ke Zon Ekonomi Eksklusif. Tetapi, mengikut peraturan yang ada sekarang, bot-bot pukut tunda dan pukut cerut umpamanya, syarat-syarat menghadkan zon tangkapan adalah dibuat berdasarkan kepada berat bot.

Umpamanya, di negeri Sarawak, 15 tan ke bawah, kawasan zon yang dibenarkan ialah 3 batu nautika ke atas, bermakna bolehlah sampai jauh ke laut. 15 hingga 40 tan — 5 batu nautika ke atas; 40 hingga 75 tan yang berdaftar sebelum tahun 1987 — 7 batu nautika ke atas; 75 tan ke atas yang berdaftar sebelum tahun 1987 — 10 batu nautika ke atas; manakala 70 tan ke atas berdaftar selepas tahun 1987 — 30 batu nautika ke atas. Saya difahamkan ini akan direview balik oleh kementerian kita kerana sebab-sebab tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjung Karang pula membangkitkan masalah jalan-jalan ladang serta kawasan jelapang padi yang tiada diberi perhatian menyebabkan kesusahan kepada petani menjualkan hasil padi. Oleh itu, beliau telah menyarankan supaya menyediakan peruntukan bagi memelihara jalan-jalan tersebut dan juga jalan ladang di projek Barat Laut Selangor.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan untuk meningkatkan taraf jalan-jalan ladang di kawasan Tanjung Karang dan di IADP Barat Laut Selangor telah dibuat di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh untuk menampung keperluan mekanisasi pengeluaran padi dan penjualan secara pukal. Sama ada ini diluluskan atau tidak, kita tengoklah, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan penyelenggaraan jalan-jalan tersebut pula, ianya dikendalikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran negeri dengan peruntukan disediakan oleh kerajaan negeri.

Mengenai agro-tourism, ini memang kita menggalakkan, tetapi setakat ini kita tidak bercadang untuk menempatkan pegawai-pegawai ke setiap daerah. Memang kita menggalakkan penyertaan golongan sasaran dan usahawan tempatan untuk memajukan sektor ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang pula meminta kementerian mewujudkan kampung nelayan tersusun dan mempunyai kemudahan asas yang lengkap terutama di kawasan pantai barat Semenanjung. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian kita, khususnya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia mempunyai program dan kemudahan asas untuk meningkatkan kualiti hidup di kampung-kampung nelayan serta pengagihan peruntukan adalah sentiasa

dibuat mengikut keperluan dan kita mempunyai beberapa projek tertentu dan saya rasa tak perlulah saya hendak huraikan dengan lebih panjang di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan, syor dan juga teguran kepada kementerian. Bagi perkara-perkara yang tidak saya jawab, insya-Allah, kita akan mengambil perhatian apabila kita melihat *Hansard* nanti dan apabila perkara-perkara yang kita rasa perlu dibuat, kita akan berbuat demikian. Sekian, terima kasih.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

*5.19 ptg.*

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Titah Ucapan Diraja yang mana antaranya menyentuh bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Larut, Santubong, Wangsa Maju, Kluang, Lumut dan Tumpat dari segi menangani masalah inflasi, iaitu mengenai kenaikan harga barangan keperluan asas dan perkhidmatan serta tindakan-tindakan bagi mengatasinya dan mencapai matlamat inflasi sifar seperti mana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya keadaan inflasi yang tidak terkawal akan memberi kesan secara langsung kepada taraf hidup rakyat dan juga akan memberi kesan yang negatif kepada pencapaian matlamat pembangunan negara dalam jangka panjang. Oleh itu kerajaan amnya dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna khususnya sentiasa mengambil perhatian mengenai masalah ini dan akan terus mengambil tindakan untuk membendungkannya.

Sehubungan dengan itu, kementerian telah merangka dasar-dasar dan strategi-strategi jangka pendek dan jangka panjang serta program tertentu bagi membendung inflasi dan seterusnya untuk merealisasikan matlamat inflasi sifar.

Inflasi secara amnya disebabkan oleh 4 faktor utama iaitu:

- (i) inflasi tekanan kos (cost push inflation);
- (ii) tarikan atau tekanan permintaan (demand pull inflation);
- (iii) kekurangan keupayaan pengeluaran (supply bottle neck); dan
- (iv) faktor psikologi di mana pengguna mula mempercayai harga barangan akan terus naik.

Selain daripada itu, faktor-faktor luaran misalnya, kenaikan kos bahan mentah dan harga barangan yang diimport turut menyumbang kepada kenaikan kadar inflasi. Dengan menganalisa punca sebenar inflasi, kerajaan telah merangka tindakan yang sesuai bagi menstabilkan harga barangan dan perkhidmatan dalam negara.

Di antara tindakan-tindakan yang diambil oleh kementerian bagi mengawal kenaikan harga ialah dengan mengawasi

paras pergerakan harga barangan keperluan asas dari masa ke semasa. Ini dilaksanakan melalui pengwujudan pusat maklumat harga kepada pengguna melalui media massa sama ada melalui media cetak dan media elektronik. Pusat-pusat pengawasan harga juga diwujudkan di pasar-pasar tertentu di Lembah Klang bagi memberikan maklumat harga terkini kepada orang ramai. Kementerian juga menjalankan kajian bagi mengenal pasti barangan keperluan asas yang sentiasa mengalami kenaikan harga. Kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya berpandukan kepada hasil kajian yang dibuat termasuk mengisytiharkan barangan yang tertentu sebagai barang kawalan jika perlu.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga telah mengambil tindakan bagi memastikan supply bottle neck akibat perbuatan menyorok tidak berlaku dan bekalan barang keperluan sentiasa mencukupi. Ini dilaksanakan melalui pemeriksaan harga dan bekalan di premis-premis perniagaan.

Selain daripada itu, kementerian telah melancarkan Kempen Anti Inflasi yang bertemakan "Inflasi Sifar Sasaran Kita" pada 2hb Jun 1995 dan kempen secara besar-besaran akan dilaksanakan ke seluruh negara. Penyebaran maklumat Kempen Anti Inflasi ini dibuat melalui media elektronik, media cetak, billboard dan risalah-risalah yang diedarkan kepada pengguna dan peniaga. Melalui kempen ini, kerajaan berusaha menyedarkan rakyat mengenai kesan negatif inflasi kepada individu dan negara. Orang ramai digalakkan bijak berbelanja dengan membeli barang-barang yang perlu sahaja, meningkatkan tabungan dan mengutamakan barangan buatan Malaysia.

Kementerian ini akan terus menyarankan supaya peniaga dan pengusaha turut memainkan peranan dalam membanteras inflasi. Ini dilaksanakan melalui Kempen

Pendidikan Peniaga yang akan dianjurkan ke seluruh negara. Seminar Pendidikan Peniaga peringkat nasional telah diadakan di Kuala Lumpur pada 8hb Mei 1995. Peniaga dan pengusaha diseru supaya tidak menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya untuk menambahkan keuntungan. Peniaga sentiasa disarankan supaya sentiasa mempunyai tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Kementerian akan terus memberikan galakan kepada peniaga supaya menjual barangan dengan harga yang berpatutan melalui Program Pengiktirafan Kedai Harga Patut. Program ini telah dilaksanakan ke seluruh negara dan sehingga 19 Jun 1995, sejumlah 566 kedai runcit, pasar mini dan pasar raya telah diberi pengiktirafan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian menaruh keyakinan bahawa aktiviti-aktiviti pendidikan pengguna sama ada melalui seminar, majlis dialog dan kursus-kursus yang berkaitan dengan kepenggunaan telah dapat memupuk kesedaran kepada pengguna mengenai peranan dan tanggungjawab mereka dalam membanteras inflasi. Pengguna tidak seharusnya berebut-rebut atau panik untuk membeli apabila melihat harga sesuatu keperluan meningkat sedikit. Peningkatan permintaan yang berlaku secara mendadak akan memberi tekanan kepada harga yang mana akhirnya harga akan pasti meningkat naik disebabkan oleh bertambahnya jumlah permintaan.

Bagi menangani masalah ini, pengguna sepatutnya memulaukan pembelian barangan yang telah naik harga dengan membeli barang-barang ganti atau mengurangkan mengguna barangan tersebut. Melalui tindakan bersepadu oleh semua pihak, kadar inflasi dapat diturunkan ke paras yang lebih rendah hingga ke inflasi sifar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, mengenai adakah kerajaan boleh mengawal harga services yang utama. Umpamanya, electricity, bermakna ini perkhidmatan yang diberikan oleh badan korporat kerajaan dan juga telefon. Oleh kerana baru-baru ini umpamanya, Tenaga Nasional Berhad apabila didapati ada kenaikan harga daripada supplier, jadi dia dengan sewenang-wenangnya mengambil keputusan untuk menaikkan harga tenaga (electricity). Adakah pihak kerajaan berusaha mengawal harga perkhidmatan seperti ini?

Yang keduanya, pendidikan adalah satu industri yang tidak boleh rugi dan dari segi pendidikan ini kita dapati buku-buku teks, dia exalating bermakna harga naik dengan wujudnya satu kekurangan bekalan kertas di seluruh dunia sekarang. Adakah kerajaan berusaha untuk mengkaji sama ada harga buku-buku teks boleh juga dikawal dan juga harga uniform budak-budak sekolah? Oleh kerana ini mungkin akan membantu golongan berpendapatan rendah di samping dapat mengawal inflasi.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, tentang kenaikan ataupun tentang bekalan api, sebenarnya walaupun Tenaga Nasional telah mengumumkan cadangan mereka untuk menaikkan tarif bekalan api, sebenarnya Jemaah Menteri telah pun membincangkan perkara ini dan telah meminta pihak Tenaga Nasional tidak melaksanakan kenaikan tarif bekalan api sehingga satu kajian menyeluruh dijalankan atas bekalan ini. Maka pihak kerajaan

pada keseluruhannya adalah mengambil berat tentang perkhidmatan-perkhidmatan ataupun caj yang dikenakan bagi perkhidmatan-perkhidmatan termasuk bekalan api dan juga telefon.

Sebenarnya, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah pun atau sedang menjalankan satu kajian tentang caj perkhidmatan bagi telefon yang sedang dikenakan khususnya di hotel-hotel 5 star dan sebagainya di mana services ataupun caj telefon yang dikenakan adalah begitu tinggi, maka kita sedang mengkaji perkara ini.

Tentang buku-buku teks, adalah benar bahawa . . . . .

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dato' S. Subramaniam:** Belum habis lagi. Sebenarnya tentang kenaikan harga buku-buku teks, termasuk "exercise books" dan sebagainya adalah benar bahawa di dalam dunia terdapat satu kekurangan kertas. Kertas yang digunakan oleh negara kita kebanyakannya, hampir kesemuanya adalah diimport. Oleh kerana kekurangan kertas di dalam pasaran dunia, harga kertas telah naik lebih kurang 100% dalam jangka masa 6 bulan. Walau bagaimanapun, kita sedang menjalankan satu kajian menyeluruh tentang buku-buku teks, termasuk exercise books dan akan bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan mencari jalan untuk menentukan bahawa harga buku-buku tidak naik ke taraf yang dianggap tidak berpatutan.

Begitu juga dengan uniform. Perkara ini, buat masa sekarang tidak merupakan satu masalah besar oleh kerana tekstil adalah satu barang yang sebenarnya harganya telah pun kurang pada tahun yang lalu, maka ini tidak dianggap sebagai satu masalah rumit.

Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sekarang dia bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa apabila pihak kementerian yang memberi amaran kepada peniaga-peniaga di seluruh negara, misalnya dengan bahan-bahan binaan walaupun simen dan sebagainya pihak kerajaan kata tak boleh naik harga? Tetapi bila pengguna-pengguna membeli bahan ini, memang di dalam resit dia letakkan harga yang diakui oleh pihak kerajaan tetapi dia ada barang-barang yang lain tambahkan harga itu. Misalnya kalau dia beli satu beg simen mengikut harga yang ditetapkan tetapi dia tambah lagi, ada paku lagi dan sebagainya. Itulah cara-cara di mana inflasi berlaku. Kerajaan memang tak tahu inilah yang dibuat, semua dalam resit itu baik tetapi walhal yang sebenarnya ini inflasi kerana ada barang-barang yang lain yang tidak dibeli oleh pihak pengguna tetapi diletak di dalam harga itu.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa soal-jawab saya telah menerangkan tentang kedudukan simen dan pada keseluruhannya kita menjalankan pemeriksaan. Kalau ada peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab yang sebenarnya menjual barang dengan harga yang lebih daripada apa yang dibenarkan, kita akan ambil tindakan. Tetapi kalau ada penipuan daripada peniaga-peniaga yang menjual simen, iaitu harga berlainan dan juga dalam resit apa yang ditulis adalah lain, ini adalah perkara rumit yang kita tidak dapat kenal pasti. Walau bagaimanapun, kita akan ambil perhatian tentang perkara ini dan cuba mengenal pasti peniaga-peniaga yang buat demikian dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang, iaitu mengenai pengwartaan tarikh penguatkuasaan Akta

Cap Dagangan (Pindaan) 1994 yang belum di sediakan. Sukalah saya maklumkan bahawa untuk menguatkuasakan pindaan-pindaan yang terkandung di dalam Akta Cap Dagangan (Pindaan) 1994, pindaan kepada Peraturan-peraturan Cap Dagangan, 1983 perlu dibuat terlebih dahulu. Buat masa sekarang pindaan peraturan tersebut adalah di peringkat terakhir dan sedang disemak oleh Jabatan Peguam Negara. Sebaik sahaja kelulusan diperolehi, tindakan untuk menguatkuasakan pindaan kepada Akta Cap Dagangan, 1976 dan Peraturan-peraturan Cap Dagangan, 1983 akan dilaksanakan. Adalah dijangkakan ianya dapat dikuatkuasakan sebelum akhir tahun 1995.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Lumut yang mencadangkan supaya harga barang-barang ubat-ubatan dikawal, adalah dimaklumkan bahawa perkara ini sedang dikaji oleh kementerian.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tumpat iaitu mengenai cadangan kenaikan harga oleh Syarikat Nestle, sukalah dimaklumkan bahawa kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya mengenai perkara ini.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Wangsa Maju, Kluang dan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain yang telah memberi pandangan terhadap tindakan anti inflasi yang dikendalikan oleh kementerian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pendidikan.

*5.36 ptg.*

**Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Titah Ucapan Diraja dengan mengemukakan isu-isu dan cadangan yang

menyentuh Kementerian Pendidikan. Seterusnya saya ingin menjawab isu-isu yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Larut dan Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara agar diwujudkan dasar-dasar yang cenderung kepada sains dan teknologi, Kementerian Pendidikan akan memainkan peranan yang lebih positif dalam pendidikan sains dan teknologi. Dalam perubahan teknologi moden, kementerian telah mengubah kurikulum yang boleh disediakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran asas yang kukuh dalam bidang sains dan teknologi, matematik dan komunikasi. Perubahan dalam kurikulum pendidikan teknik ini adalah selaras dengan peralihan fokus industri daripada 'labour intensive' kepada 'capital intensive' yang menekankan penggunaan teknologi tinggi.

Berhubung dengan cadangan untuk menukarkan nama mata pelajaran Bahasa Malaysia kepada Bahasa Melayu dan kedudukan Bahasa Malaysia yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat dan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, Kementerian Pendidikan mematuhi arahan Kabinet yang telah memutuskan supaya nama "Bahasa Malaysia" digunakan. Perlulah ditegaskan.....

**Tuan P. Patto:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat beri jalan atau tidak?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Ya.

**Tuan P. Patto:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dari awal selepas merdeka "Bahasa Kebangsaan" adalah "Bahasa Melayu" dan ia diterima sebagai Bahasa Melayu. Tetapi selepas beberapa tahun kemudian, kerajaan dan Kementerian Pendidikan memutuskan

untuk menukar "Bahasa Melayu" kepada "Bahasa Malaysia", selepas itu baru-baru ini hendak tukar balik pula kepada "Bahasa Malaysia". Jadi, daripada Bahasa Melayu ke Bahasa Malaysia, Bahasa Malaysia ke Bahasa Melayu, kenapa buat begitu? Kenapa tidak ada satu dasar iaitu Bahasa Melayu tetap Bahasa Melayu, kenapa ditukarkan kepada Bahasa Malaysia? Dan sekarang pula disedari bahawa ia tak betul, tak tepat, maka ditukar balik kepada Bahasa Melayu. Bolehkah Timbalan Menteri menjelaskan? Jangan kata keputusan Kabinet, sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri apabila bangun dan menjawab bagi pihak kementerian, bererti segala keputusan kementerian mahupun Kabinet adalah tanggungjawab pihak yang menjawab itu.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya terangkan bahawa kita sudah buat keputusan iaitu Kementerian Pendidikan sebagai sebahagian daripada kerajaan memang kita adalah bersetuju dengan keputusan tersebut dan kita akan melaksanakan keputusan tersebut. Janganlah kita putar belit kerana itulah keputusan kita.

Perlulah ditegaskan bahawa . . . . .

**Tuan P. Patto:** Penjelasan.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tak payahlah . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan P. Patto:** Minta jalan.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tidak diberi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Patto:** Tidak, apa sebab dibuat pertukaran itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagan, dia tak beri jalan.

**Tuan P. Patto:** Dia tak beri jalan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan P. Patto:** Tak apalah. (*Ketawa*)

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya nasihatlah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru ini, bacalah Akta Pendidikan 1961 di mana Bahasa Malaysia.....

**Tuan P. Patto:** Penjelasan!

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tak payahlah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak payah.

**Tuan P. Patto:** Penjelasan!

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Bacalah Akta!

**Tuan P. Patto:** Tak berani!

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Saya ada,.....

**Tuan P. Patto:** Kalau tak faham perbezaan di antara Bahasa Melayu dengan Bahasa Malaysia dan kembali kepada Bahasa Melayu, jangan berdiri menjawab bagi pihak kementerian!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Bagan, dia tidak beri jalan.

**Tuan P. Patto:** Ya. Tuan Speaker, dia tidak beri. Saya duduk!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Sila turut peraturan mesyuarat!

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Orang baru itu perlulah diberi amaran sedikit.....

**Tuan P. Patto:** Saya bukan orang....  
(*Pembesar suara dimatikan*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apalah.  
Cukuplah, Ahli Yang Berhormat Bagan!  
(*Disampuk*)

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Perlu ditegaskan . . . . . (*Disampuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apalah.

**Tuan P. Patto:** (*Menyampuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Yan bangun di belakang. Hendak beri jalan kepada Ahli Yang Berhormat dari Yan?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, dia beri. (*Ketawa*) Untuk makluman sahajalah . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh, Yang Berhormat! Untuk makluman tidak boleh!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, tidak. Penerangan, penjelasan! Sama ada Yang Berhormat bersetuju, dalam Bahasa Melayu kadang-kadang orang panggil "botol toyu", Bahasa Malaysia "botol kicap". Ia lebih kurang macam itulah. Jadi, Yang Berhormat bersetuju atau tidak? Itu saya contohkan perbezaan Bahasa Melayu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak payah jawablah itu. Sila teruskan sahaja. (*Ketawa*)

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, perlulah ditegaskan bahawa kedudukan Bahasa Kebangsaan, Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara tetap dipelihara. Walaupun kerajaan menggalakkan rakyat mempelajari bahasa-bahasa lain bagi tujuan

membina ilmu pengetahuan dan untuk menjadikan rakyat Malaysia lebih competitive.

Ahli Yang Berhormat dari Larut juga menimbulkan isu institusi pendidikan swasta. Setakat ini Kementerian Pendidikan sentiasa mengawal institusi-institusi pendidikan tersebut melalui tindakan-tindakan seperti melakukan lawatan dan pemeriksaan yang berkala, mengesan bahan-bahan promosi yang digunakan, menyiasat aduan-aduan yang diterima, memberi nasihat dan tunjuk ajar dan memberi amaran serta tindakan-tindakan yang sesuai dengan keadaan dan masalah yang timbul. Kementerian Pendidikan tidak dapat mensyaratkan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama di institusi-institusi pendidikan swasta kerana kebanyakan kursus pendidikan yang dijalankan oleh institusi-institusi itu adalah kursus-kursus luaran yang diperkenalkan oleh institusi-institusi luar negara.

Menyentuh isu yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Santubong, Kementerian Pendidikan bersetuju dengan saranan beliau iaitu selaras dengan Dasar Pendidikan Negara, Kementerian Pendidikan boleh menghasilkan sumber tenaga manusia yang dilengkapi dengan ilmu pengetahuan, berketrampilan dan kenal teknologi. Semua perkara yang disentuh itu termasuk dalam falsafah pendidikan negara.

Mengenai isu pendidikan teknikal yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, pada masa ini pendidikan teknikal di bawah Kementerian Pendidikan dijalankan melalui berbagai peringkat, iaitu di peringkat politeknik, sekolah menengah teknik, sekolah menengah vokasional dan sekolah menengah akademik. Kurikulum pendidikan teknikal di peringkat sekolah menengah teknik dan sekolah menengah

vokasional menyediakan para pelajar dengan pengetahuan yang kukuh dalam asas kejuruteraan, matematik tambahan, fizik dan kimia untuk pendidikan sains dan teknologi yang lebih tinggi.

Di peringkat sekolah menengah akademik pula, iaitu di bawah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), pendidikan teknikal ditawarkan melalui mata pelajaran elektif Kumpulan 2 yang menawarkan beberapa mata pelajaran. Antaranya ialah lukisan kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan.

Kementerian Pendidikan sememangnya bercadang untuk melengkapkan semua sekolah dengan komputer. Perkara ini akan dilakukan secara beransur-ansur peringkat demi peringkat berdasarkan peruntukan yang diluluskan.

Menyentuh isu yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Senai, Kementerian Pendidikan bersetuju dengan saranan beliau iaitu semua dasar yang ketinggalan zaman akan dikaji semula.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai komputer, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan akan membekalkan komputer peringkat demi peringkat. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa satu desakan (urgency) di dalam kita membekalkan pengajian komputer kepada anak-anak kita. Jadi, saya hendak tahu, peringkat demi peringkat ini, at what stage? Berapa tahun dia punya tempoh? Kita harus spesifik dalam hal ini kerana keperluan amat mendesak dan permintaan pun ada, the demand is there, dengan izin. Jadi, kalau jawapannya peringkat demi peringkat, tidak puas hatilah kita.

Yang keduanya, saya ingin tahu, kalau peringkat demi peringkat, bolchkah Menteri Pendidikan atau Timbalannya memberi keutamaan kepada anak-anak kampung dahulu kerana anak-anak kampung ini yang tidak mampu membeli komputer. Anak-anak bandar tak apalah, sebab PIBGnya kaya-kaya. Jadi, ini saya minta pertimbangan.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong itu. Sebagai satu penjelasan, pada peringkat ini Kementerian Pendidikan telah memperuntukkan kepada setiap sekolah di seluruh negara sebanyak RM6,000 bagi membolehkan semua sekolah dalam negara ini . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, RM6,000?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:**..... membeli sekurang-kurangnya sebuah komputer dengan printer. Itulah peringkat awalan. Dengan peruntukan yang lebih, kita akan membeli komputer yang lebih.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, satu biji komputer yang diperuntukkan untuk setiap sekolah, adakah untuk pengurusan, pentadbiran atau untuk pendedahan kepada murid-murid? Setahu saya, komputer yang dibekalkan oleh Ahli Parlimen adalah untuk kerja-kerja pentadbiran sahaja. Jadi, adakah dikhaskan komputer ini untuk kelas komputer? Umpamanya, untuk pendedahan komputer dan bukannya untuk pentadbiran sekolah berkenaan. Boleh atau tidak dibuat begitu?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong itu memang Kementerian Pendidikan akan kaji. Tentang cadangan untuk memberi perhatian yang lebih kepada sekolah-sekolah luar bandar, memang itulah tujuan Kementerian Pendidikan.

Isu kenaikan yuran apabila universiti dikorporatkan telah ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Senai, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah dan Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun universiti dikorporatkan, ia tetap dikenali sebagai organisasi kerajaan yang bersifat non-profit atau tidak bermotifkan keuntungan tetapi diuruskan secara komersil dan berdaya saing. Jemaah Menteri akan meneliti keseluruhannya cadangan reformasi pendidikan tinggi dan sedikit masa lagi keputusan muktamad akan dibuat. Penjelasan mengenai perkara ini telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri di Dewan Rakyat pada 12hb Jun, 1995.

Mengenai peluang yang lebih banyak kepada rakyat untuk mendapatkan pendidikan tinggi sebagaimana dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, perkara ini memang dalam tindakan Kementerian Pendidikan. Kerajaan berhasrat untuk mengoptimumkan kapasiti universiti tempatan yang sedia ada . . . . .

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia minta jalan, Yang Berhormat.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Timbalan Menteri tadi merujuk kepada statement yang dibuat oleh Menteri Pendidikan

sendiri mengenai pengkorporatan ini, satu lagi yang masih tidak dijelaskan sehingga sekarang ini ialah, adakah untuk pendidikan peringkat tinggi — selepas sekolah — apakah polisi yang dipegang oleh kerajaan. Adakah kerajaan menganggap bahawa pendidikan tinggi walaupun mempunyai unsur-unsur 'public goods', dengan izin, adakah ianya dianggap sebagai di luar tanggungan kerajaan ataupun adakah dasar pengkorporatan ini untuk mempelbagaikan jenis-jenis institusi pengajian tinggi dan jenis-jenis pendidikan tinggi yang ada ditawarkan, ataupun adakah ianya merupakan satu dasar untuk melepaskan langsung pendidikan tinggi kepada pihak swasta? Terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, memang tujuan Kementerian Pendidikan untuk mengkorporatkan universiti-universiti tempatan ialah untuk membolehkan universiti tersebut bersaing dalam satu zaman yang lebih mencabar. Memang kerajaan Barisan Nasional akan seterusnya menentukan bahawa segala keputusan yang diambil tentang yuran dan sebagainya, kita akan ambil kira keperluan pelajar-pelajar kita khususnya pelajar-pelajar yang miskin. Setelah dijamin di sini bahawa Barisan Nasional merupakan satu kerajaan yang bertanggungjawab, memang kita tidak akan ambil satu keputusan yang boleh menjejaskan kedudukan mereka.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia bangun pula, Yang Berhormat, Balik Pulau.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Sebenarnya saya hendakkan seperti pembekalan perkhidmatan kesihatan, misalnya kita ada klinik-klinik, pusat-pusat kesihatan, juga hospital-hospital daerah, hospital besar dan sebagainya yang

dibekalkan oleh kerajaan. Dan pada masa yang sama kita juga membenarkan penubuhan hospital-hospital dan klinik-klinik swasta. Jadi, keadaan begitu mengekalkan tanggungjawab kerajaan dalam membekalkan perkhidmatan kesihatan, tetapi mempelbagaikan perkhidmatan kesihatan dengan merangkumi apa yang dibekalkan oleh pihak swasta. Jadi, dalam isu pengajian tinggi kita kira merupakan juga sebagai satu pembekalan perkhidmatan pendidikan. Adakah dasar pengkorporatan di sini mengikut seperti pembekalan perkhidmatan kesihatan ataupun adakah IPT ini dengan langsungnya dikeluarkan daripada tanggungjawab Kementerian Pendidikan.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang tidak. Seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan memang kerajaan akan terus berpegang kepada prinsip kerajaan bertanggungjawab tentang isu-isu pendidikan, sungguhpun universiti-universiti tempatan akan dikorporatkan. Di sini Menteri Pendidikan telah menerangkan bahawa kerajaan akan terus memberi peruntukan yang cukup untuk sebagai bantuan dan sebagai sokongan kepada universiti-universiti kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berhasrat untuk mengoptimumkan universiti-universiti tempatan . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun pula, ya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam proses kita mengkorporatkan atau corporatise universiti-universiti tempatan, kita dapat melihat bahawa sebilangan besar anak-anak kita tidak dapat memasuki ke universiti setengahnya oleh kerana tempat, constrain of places. Yang kedua, financial constrain. Jadi, adakah kerajaan menerusi proses dan

exercise of corporatisation ini juga akan mewujudkan satu dana pendidikan nasional, umpamanya satu national education fund yang boleh memperluaskan lagi peluang anak-anak dapat belajar di dalam institut-institut pengajian tinggi dan dengan sumber kewangan yang lebih luas. Sekarang ini hanya terhad kepada pinjaman daripada kerajaan sahaja. Sedangkan sekiranya diwujudkan satu dana nasional, kita boleh menjemput siapa sahaja warga yang prihatin, baik warga korporatkah atau warga individu boleh menabung dan tabung ini boleh diwujudkan untuk memperluaskan the numbers anak-anak mendapat peluang pendidikan. Adakah perkara ini akan dibincangkan.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, masalah pengkorporatan universiti sekarang ini yang menimbulkan ketakutan dan halangan di setengah orang-orang kampung macam saya adalah masalah macam manakah terjaminnya peluang anak-anak Melayu masuk ke universiti. Jadi, adakah jaminan ini cukup sekadar kerajaan akan mengawasi corporatisation dan juga kerajaan mempunyai kontrol terhadap kewujudan IPT ini selepas proses korporatise. Adakah setakat itu sahaja jaminan yang diberikan oleh kerajaan. Kalau itu, tidakkah keadaan *statusquo* lebih terjamin daripada keadaan apabila IPT ini dibebaskan corporatisation. Itu soalan saya, terima kasih.

**Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong atas cadangan tentang pengwujudan education fund. Memang itu satu cadangan yang Kementerian Pendidikan akan mengkaji.

Tentang kekhawatiran di kalangan rakyat memang Kementerian Pendidikan sudah beberapa kali terangkan cadangan yang dicetakkan di surat-surat khabar ini merupakan satu cadangan dalaman di universiti sahaja, belum sampai di peringkat Kementerian Pendidikan.

Jadi, seterusnya saya akan terangkan di sini Kerajaan Barisan Nasional merupakan satu kerajaan yang bertanggungjawab. Kita tak akan membuat keputusan yang akan menjejaskan kedudukan pelajar-pelajar kita, khususnya penduduk-penduduk miskin, kerana kita kerajaan yang mencerminkan aspirasi rakyat kita khususnya rakyat yang perlu pertolongan dan bantuan daripada kita.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kita terlambat sedikit sekarang ini. Mintalah jangan bertanya banyak sangat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, orang-orang kampung minta suruh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya ucap tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana prihatin tentang masalah orang-orang yang berpendapatan rendah. Cuma satu lagi saya ingat kalau boleh, Yang Berhormat, kerana banyak orang kampung hari ini merungut, terutama sekali orang susah ini apabila anak mereka mendapat biasiswa ataupun memohon pinjaman, mereka terpaksa mencari penjamin. Jadi, hari ini bukan mudah orang-orang hendak menjaminkan satu-satu pinjaman ataupun biasiswa. Bolehkah kementerian melonggar supaya penjamin tersebut hanya terhad kepada ibu ataupun bapa mereka. Jadi, tak payahlah kadang-kadang mereka terpaksa mencari ke hulu ke hilir. Kadang-kadang orang-orang susah ini, bukan orang mahu menjamin mereka. Orang tak berani jamin orang susah. Jadi, inilah masalah yang kita hadapi. Kemudian kadang-kadang dia datang pada Wakil Rakyat, kita jenuhlah, Tuan Yang di-Pertua, itulah bila pencen sahaja duk bayar duit jamin. Mintalah Kementerian Pendidikan kalau boleh longgarkan yang ini.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat dari 'Yen' itu memang Kementerian Pendidikan akan kaji—'Yen'.

**Seorang Ahli:** Yan — 'Y-a-n'.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berhasrat untuk mengoptimumkan kapasiti universiti tempatan yang sedia ada dengan menggalakkan pendidikan jarak jauh di semua IPT tempatan. Di samping itu, kerajaan sedang mengkaji semula cadangan pendidikan tinggi swasta setelah reformasi pendidikan tinggi oleh Jemaah Menteri.

Ahli Yang Berhormat dari Senai telah membangkitkan isu menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan serantau. Berhubung dengan perkara itu, memang tujuan Kementerian Pendidikan ialah untuk mempertingkatkan bidang pendidikan supaya Malaysia dapat dihormati sebagai pusat pendidikan serantau. Kementerian Pendidikan sedang mengkaji isu penubuhan kampus-kampus cawangan universiti-universiti asing di Malaysia dan akan membuat satu keputusan yang wajar dalam satu masa yang singkat.

Mengenai usaha mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris, Kementerian Pendidikan memang telah melaksanakan beberapa program bagi mempertingkatkan penguasaan bahasa tersebut di peringkat sekolah dan universiti.

Ahli Yang Berhormat dari Lanang telah mencadangkan penubuhan kampus-kampus cawangan di kawasan luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat Kampus Cawangan USM di Kubang Kerian, Kelantan dan Kampus Cawangan UIA yang akan dibuka di Kuantan, Pahang.

Menyentuh isu yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lanang, sekolah-sekolah di luar bandar sentiasa diberi

perhatian oleh pihak kementerian. Guru-guru di luar bandar juga sentiasa di beri kursus dalam perkhidmatan untuk mempertingkatkan mutu pengajaran mereka.

Berhubung dengan masalah bebanan beg yang berat sebagaimana yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, Kementerian Pendidikan sedang berusaha mengatasi masalah ini dengan kemungkinan melaksanakan jadual waktu anjal atau flexible timetable pada penghujung tahun ini.

Mengenai isu yuran di IPT swasta yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, yuran pengajian yang dikenakan oleh institusi-institusi pengajian tinggi swasta adalah dikawal oleh Kementerian Pendidikan kadar yuran itu hanya boleh dikenakan setelah menerima kelulusan daripada pejabat pendaftaran sekolah-sekolah. Bilangan kredit yang boleh dipindahkan oleh seseorang pelajar yang mengikuti program perpindahan kredit ataupun program-program kerjasama yang lain, ke sesebuah universiti luar negara ditentukan oleh beberapa faktor, antaranya ialah kursus subjek yang diambil, pengkhususan yang diikuti di universiti luar negara, tahap dan jenis kerjasama antara institusi tempatan dengan universiti itu.

Setakat ini Kementerian Pendidikan mengawal program-program ini dengan menentukan hanya institusi-institusi yang telah diberi kebenaran sahaja yang menjalankannya. Kementerian Pendidikan akan menjalankan penyiasatan menyeluruh mengenai pengenalan program kursus swasta itu bagi menentukan kualiti program-program itu.

Berhubung dengan isu yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tentang penubuhan IPT swasta di negara ini, pada masa ini Kementerian Pendidikan sentiasa mempertimbangkan permohonan-permohonan untuk menubuhkan institusi-institusi pendidikan tinggi swasta, jika

permohonan itu mematuhi keperluan undang-undang sedia ada dan dasar-dasar semasa kerajaan. Bagaimanapun, penubuhan universiti-universiti swasta perlu dikaji dengan lebih mendalam bagi mengenal pasti implikasinya terhadap negara.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Batang Lupar bangun Yang Berhormat.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua sebenarnya saya hendak cakap dahulu, tetapi kawan-kawan saya minta saya pendekkan ucapan saya. Jadi, saya hendak bertanya satu perkara, soal pengawalan kursus-kursus yang dibuat di negara kita ini, sebagaimana Yang Berhormat sedar ada penuntut-penuntut membuat pengajian undang-undang umpamanya daripada Wolverhampton, kalau tidak salah saya, berkelulusan LLB tidak diiktiraf oleh pihak kerajaan. Jadi, macam mana pandangan kementerian, yang mana kursus yang diambil berapa banyak orang yang hendak jadi peguam ini tetapi kelulusan tidak diiktiraf oleh pihak kerajaan?

**Dato' Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar ini, pengiktirafan ijazah-ijazah LLB untuk seseorang berkhidmat sebagai seorang peguam adalah di bawah kuasa Majlis Peguam (Bar Council) dan bukan di bawah tanggungjawab atau kuasa Kementerian Pendidikan kerana Bar Council itu yang menentukan ijazah-ijazah yang boleh diiktiraf untuk seseorang berkhidmat sebagai seorang peguam.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban, Kementerian Pendidikan sedia maklum tentang keadaan ini dan sedang merancang untuk membina lebih banyak bilik darjah untuk menampung

kekurangan tersebut. Kutipan derma hanya dilakukan setelah mendapat kelulusan Jabatan Pendidikan Negeri.

Berhubung dengan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, sebenarnya Kementerian Pendidikan akan membekalkan komputer kepada semua sekolah rendah dan menengah termasuk di kawasan desa di seluruh negara untuk tujuan pentadbiran sekolah. Kementerian Pendidikan juga sedang merancang untuk membekalkan komputer kepada semua sekolah di seluruh negara untuk digunakan sebagai alat untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran setelah peruntukan kewangan untuk perkara tersebut diluluskan.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Kapar dan Ahli Yang Berhormat dari Ledang berhubung dengan masalah disiplin di sekolah di peringkat sekolah rendah dan menengah, masalah disiplin sentiasa diberi perhatian oleh pihak sekolah. Kementerian Pendidikan juga bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam usaha untuk mengatasi masalah ini dengan mengadakan berbagai program seperti Rakan Muda dan sebagainya.

Dalam konteks masalah disiplin di kalangan pelajar, pengaruh luar sebenarnya lebih kuat mempengaruhi pelajar-pelajar sekolah. Oleh sebab itu, permuafakatan di antara Kementerian Pendidikan dengan semua agensi kerajaan serta swasta dan juga masyarakat setempat penting untuk memastikan agar pengaruh negatif yang sedang menular itu dikawal.

Mengenai isu yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pembinaan sekolah rendah dan sekolah menengah di sesuatu tempat bergantung kepada keperluan kawasan tersebut.

Mengenai permohonan Ahli Yang Berhormat dari Julau, Kementerian Pendidikan sememangnya bercadang untuk menambah peruntukan membaik pulih dan

menaikkan taraf bangunan sekolah-sekolah rendah di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah yang dapat saya menjelaskan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan program dan aktiviti Kementerian Pendidikan. Saya menyedari ada banyak perkara yang dibangkitkan belum saya jawab, perkara-perkara itu akan diberi perhatian dan diambil kira dalam keputusan Kementerian Pendidikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Penerangan.**

*6.05 ptg.*

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai aktiviti Kementerian Penerangan semasa membahas Usul Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan Marang telah menyentuh mengenai peranan media massa dalam pilihan raya umum baru lalu khususnya radio dan televisyen. Dalam hubungan ini, saya memohon memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Dato' Abdul Manan Othman dan Encik Ahmad Sabri Chik iaitu Setiausaha Agung parti S. 46 dan Ketua Penerangan parti S. 46 yang mendakwa bagi pihak mereka sendiri dan bagi pihak kesemua ahli-ahli parti tersebut telah menyaman Kerajaan Malaysia dan Menteri Penerangan dalam Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur pada 13hb April, 1995 dengan saman pemula R1-24-24/1995 yang berkaitan dengan kemudahan radio dan televisyen dalam pilihan raya umum 1995.

Pada 18hb April, 1995 kerajaan telah memfailkan permohonan membatalkan saman pemula yang dibuat oleh parti S. 46 itu. Menurut makluman yang ada, kes ini akan didengar oleh mahkamah pada 18hb Julai, 1995.

Saya mohon menjelaskan oleh kerana perkara ini masih di dalam tindakan mahkamah, maka saya dan juga Dewan ini, saya rasa adalah terlarang daripada membincangkannya sehingga mahkamah meneruskan kes yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai desas-desus untuk menaikkan lesen radio dan televisyen yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut, Kementerian Penerangan ingin memaklumkan bahawa kerajaan masih belum bercadang untuk menaikkan kadar lesen televisyen. Lesen radio telah dikecualikan dari apa-apa bayaran sejak 1hb Julai, 1991.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat telah menyentuh mengenai penggunaan Bahasa Melayu dalam radio dan media massa yang lain. Berhubung dengan perkara ini Kementerian Penerangan sentiasa memberi perhatian terhadap penggunaan Bahasa Melayu yang standard di radio dan televisyen.

Sekiranya masih ada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini mengenai Kementerian Penerangan yang tidak sempat dijawab, maka perkara-perkara itu akan diberi perhatian sewajarnya oleh Kementerian Penerangan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

6.08 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Mohd. Noh bin Rajab):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin

mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam perbincangan Usul Titah Diraja.

Ahli Yang Berhormat dari Larut telah mencadangkan supaya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan meningkatkan pembangunan industri pelancongan yang berkualiti di negara ini sehingga ke peringkat akar-umbi.

Ahli Yang Berhormat dari Larut juga mencadangkan supaya setiap daerah di setiap negeri menghidupkan industri pelancongan masing-masing yang berkualiti sama ada dalam bentuk industri kecil, tempat perkelahan, juadah istimewa, warisan sejarah, sukan tradisional dan lain-lain yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan dengan kesempatan ini bahawa usaha-usaha untuk mempertingkatkan bidang kesenian, kraftangan, destinasi kunjungan pelancong dan promosi adalah merupakan tugas semua pihak lebih-lebih lagi penggiat-penggiat seni, kraf dan persatuan-persatuan yang scumpamanya. Dalam hal ini, kerajaan-kerajaan negeri dan pihak swasta serta rakyat keseluruhannya digalakkan bersama-sama berganding bahu dengan kementerian bagi memastikan supaya manfaat industri pelancongan ini dapat dinikmati oleh semua pihak di seluruh negara termasuk di kampung-kampung yang terpencil.

Adalah diharapkan semua pihak dapat mengenal pasti produk pelancongan masing-masing yang dapat menarik pelancong ke tempat tersebut dan memajukannya agar tempat-tempat tersebut boleh dipasarkan sebagai destinasi pelancongan.

Menyentuh mengenai cadangan supaya setiap daerah di setiap negeri menghidupkan industri pelancongan masing-masing,

sukacita di maklumkan bahawa kementerian bekerja rapat dengan negeri-negeri untuk membangunkan produk-produk pelancongan yang mempunyai potensi untuk menarik pelancong mengikut keistimewaan tempat.

Dari aspek warisan sejarah, terdapat tempat-tempat seperti Lembah Bujang di Kedah, Kota Tampan di Lenggong, Perak dan Kota Ngah Ibrahim di Larut Matang, Perak telah diberikan bantuan oleh kementerian untuk dibangunkan.

Selain daripada itu kementerian juga memberi bantuan dari segi pengajaran acara-acara yang berasaskan seni budaya dan sukan rakyat untuk dijadikan tarikan pelancong di seluruh negara. Antara acara yang telah diberi bantuan ialah Pesta Keamatan di Sabah, Hari Gawai di Sarawak, Minggu Kraftangan di Perlis dan berbagai-bagai acara yang lain.

Dari segi tempat tumpuan pelancongan pula, beberapa tempat telah dibangunkan di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk dijadikan pusat tarikan pelancongan. Antara tempat-tempat tersebut ialah Perkampungan Budaya di Negeri Sembilan, Kompleks Pelancongan Orang Asli, Pulau Carey, Selangor, Pusat Aktiviti Orang Asli Cameron Highlands dan Gerai Makanan dan Minuman di pusat peranginan pelancongan di Teluk Batik, Lumut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Seremban telah menarik perhatian bahawa bilangan pelancong yang melawat Malaysia telah bertambah dari tahun ke setahun. Sukacita dimaklumkan program Tahun Melawat Malaysia 1994 telah berjaya menarik kedatangan pelancong seramai 7.2 juta. Kejayaan ini adalah hasil daripada kempen Tahun Melawat Malaysia 1994 yang telah dijalankan sejak Ogos, 1992 lagi. Menurut Laporan Bank Negara, Industri Pelancongan Negara telah menghasilkan perolehan tukaran wang asing berjumlah RM9 bilion. Usaha-usaha untuk menarik para pelancong asing ke negara

ini akan terus dilaksanakan dengan memberi penekanan kepada 8 destinasi utama iaitu Pulau Langkawi, Pulau Pinang, Pulau Pangkor, Melaka, Taman Negara, Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Seremban di mana kerajaan harus menentukan para pelancong mendapat layanan yang sebaik mungkin daripada pegawai-pegawai khususnya pegawai-pegawai 'frontliners', dengan izin, sukacita dimaklumkan bahawa usaha ke arah perkara tersebut sememangnya telah dijalankan secara teratur oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan semenjak program Tahun Melawat Malaysia, 1990 dan akan terus dilaksanakan hingga ke beberapa tahun akan datang.

Di bawah program ini telah dijadualkan siri "latihan kesopanan" yang ditumpukan khusus kepada mereka yang terlibat di barisan hadapan di bidang pelancongan yang meliputi pegawai-pegawai kerajaan dan juga pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja pihak swasta di seluruh negara. Kursus ini memberi tumpuan tentang aspek-aspek kesopanan ke arah memberi perkhidmatan cemerlang kepada pelancong. Kursus yang berkaitan juga telah dijadikan sebahagian daripada mata pelajaran khusus dalam kurikulum latihan pemandu pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran, pandangan dan cadangan yang membina kepada kementerian, sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung. Semua teguran, cadangan dan pandangan ini akan diambil perhatian dan diberi pertimbangan sewajarnya di dalam merancang strategi dan program-program kebudayaan dan pelancongan kementerian ini. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Sumber Manusia.

6.15 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Diraja di Dewan, pada penggal ini, terutamanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Bukit Mertajam, Larut, Gelang Patah, Santubong, Alor Gajah, Ledang dan Petaling Jaya Utara yang telah mengutarakan beberapa perkara yang menyentuh fungsi dan bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia.

Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut rata-rata telah memberi tumpuan khusus kepada pembangunan tenaga kerja yang mahir dan terlatih untuk memenuhi keperluan negara semasa yang akan datang di samping menyarankan supaya kemahiran dan pengetahuan pekerja-pekerja tempatan ditingkatkan demi masa depan dan kerjaya mereka. Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan inginkan kepastian bahawa bilangan tenaga kerja mahir dan terlatih di negara ini boleh ditingkatkan melalui usaha dan tindakan yang sepadu di antara kementerian-kementerian terbabit dengan pendidikan dan latihan vokasional dan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, mengulas seruan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong supaya pekerja-pekerja di kilang elektronik di seluruh negara diberi peluang meningkat dan memperbaiki lagi kerjaya masing-masing melalui latihan semula atau latihan peningkatan kemahiran. Perkara ini giat digalakkan oleh Kementerian Sumber Manusia bagi semua sektor industri termasuk sektor industri kecil. Mekanisme untuk menghantar pekerja-pekerja untuk mengikuti latihan semula atau peningkatan kemahiran dan memohon grant latihan dari

Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia, sudah sedia wujud. Ianya terserah kepada majikan-majikan berkenaan untuk menyediakan program latihan masing-masing untuk pekerja mereka dan memanfaatkan sepenuhnya faedah-faedah yang terdapat di dalam skim kumpulan wang tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei, 1995 sebanyak 694 majikan daripada industri elektronik telah berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia di bawah kementerian ini.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 365 telah memohon bantuan kewangan dengan seramai 251,256 pelatih telah diluluskan menjalani latihan semula atau peningkatan kemahiran dalam negeri dan 3,869 di luar negara. Jumlah bantuan kewangan yang diluluskan adalah masing-masing 30 juta dan 13.94 juta. Sehubungan ini bagi menjawab kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat berterima kasihlah di atas perkembangan yang wujud setakat ini di kalangan sektor swasta. Cuma saya ingin bertanya, oleh kerana jumlah wang yang dibelanjakan untuk membangunkan semula pekerja adalah besar dan sumbangan pihak kerajaan adalah besar, jadi, bagaimanakah pihak kerajaan dapat mengesan sama ada faedah wang yang diberikan sebagai sumbangan untuk melatih semula atau peningkatan kerjaya ini benar-benar memenuhi sasarannya. Sama ada wang itu benar-benar digunakan untuk 'training' — jangan on paper sahaja 'they were trained'.

Keduanya, bagaimanakah pihak Kementerian Sumber Manusia mengesan benar-benar kursus-kursus ini adalah modul selaras dengan perkembangan dan kehendak negara.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawabnya, satu — wang ini adalah diambil dari Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Ini adalah wang yang diberi oleh pihak industri itu sendiri iaitu satu tabungan.

Keduanya, tiap-tiap permohonan dari tabung ini adalah diperiksa dan dihalusi oleh Kementerian dan diluluskan dari segala segi supaya dapat mencapai tujuan.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam yang meminta Kementerian Sumber Manusia meluluskan lebih banyak program-program latihan yang boleh diikuti oleh pekerja-pekerja perindustrian, sukalah saya memaklumkan bahawa mulai tahun 1994, program-program latihan tertentu di peringkat diploma juga boleh dipertimbangkan untuk menikmati kemudahan Kumpulan Wang tersebut. Selain itu sebagai galakan kepada majikan yang mendaftar, khususnya majikan industri kecil untuk menghantar lebih ramai pekerja-pekerja mereka untuk dilatih semula, skim perjanjian latihan, dengan menyediakan latihan (PERLA) telah dilaksanakan.

Skim PERLA membolehkan majikan menghantar pekerja mereka untuk mengikuti latihan semula dengan hanya membayar sebahagian kecil daripada yuran yang dikenakan. Bakinya akan dituntut oleh penyedia latihan berkenaan terus daripada tabung tersebut. Kementerian Sumber Manusia akan terus bertindak berdaya maju memperkenalkan lebih banyak galakan dan kemudahan-kemudahan untuk mendorong

majikan-majikan mempertingkatkan kegiatan melatih semula ataupun meningkat kemahiran pekerja-pekerja mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong sekali lagi telah mencadangkan supaya institut latihan perindustrian di bawah tanggungjawab kementerian ini hendaklah segera diswastakan supaya pihak swasta dapat memainkan peranan melatih pekerja-pekerja. Adalah ditekankan bahawa kerajaan perlu berhati-hati dalam soal menswastakan institut ini bagi mengelakkan daripada sebarang kesan yang kurang berfaedah kepada kerajaan dan penerima-penerima latihan termasuk melindungi kerajaan daripada dikatakan melepaskan tanggungjawab sosialnya terhadap rakyat khususnya untuk melatih penduduk-penduduk yang dari luar bandar yang mungkin tidak mampu membayar wang untuk mendapat latihan jika institut-institut ini diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mempelawa sektor swasta untuk bersama-sama mengambil bahagian aktif di dalam bidang latihan vokasional dan teknikal sebagai satu langkah menambahkan lagi bilangan tenaga kerja mahir dan terlatih yang diperlukan oleh negara. Ini jelas dialu-alukan semasa pembentangan perbelanjaan 1995 pada 28 Oktober 1994 yang menawarkan pakej-pakej insentif kewangan fiskal dan bukan fiskal yang sangat menarik kepada sektor swasta untuk menceburi dalam bidang latihan tersebut. Di antara pakej-pakej insentif kewangan yang ditawarkan adalah memberi investment tax allowance, dengan izin, sebanyak 100% selama 10 tahun kepada syarikat-syarikat yang menubuhkan pusat latihan vokasional dan teknikal mereka sendiri untuk tujuan melatih pekerja-pekerja mereka sendiri ataupun pekerja-pekerja dari luar syarikat termasuk mempertingkatkan kapasiti pusat latihan dan peralatan latihan sedia ada.

Kerajaan juga bersedia mempertimbangkan 'launching grant' serta memberi pengecualian cukai-cukai terhadap bahan-bahan peralatan dan mesin-mesin yang diperlukan untuk tujuan latihan. Keseriusan dan komitmen kerajaan menangani isu kekurangan tenaga mahir dan terlatih jelas ternyata apabila Belanjawan 1995 telah mencadangkan penubuhan 5 buah institut latihan perindustrian baru. Sebuah Advanced Skill and Technology Centre dan sebuah Japan/Malaysia Technical Institute di samping mengembangkan, dengan izin, infrastructure dan peningkatan kemudahan latihan institut latihan perindustrian di seluruh negara dan sebuah pusat latihan mengajar dan kemahiran lanjutan di . . . .

**Tuan Ong Tin Kim:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ong Tin Kim:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tertarik kepada apa yang telah dilaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pakej insentif telah diberi kepada swasta untuk melatih pekerja-pekerja. Saya hendak tahu setakat ini bagaimana response dari swasta kepada skim pakej ini dan apakah kesan yang telah didapati dari skim ini?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, pakej ini baru dilancarkan semasa Belanjawan dan sudah tentu mengambil masa sedikit sebelum kita dapat benar-benar pastikan tentang kejayaan tetapi sambutan awal memanglah menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, setelah institut latihan perindustrian yang telah pun diluluskan sebanyak 5 buah ini dilaksanakan, maka Kementerian Sumber Manusia akan dapat menyumbang pertambahan 10,000 lagi tenaga mahir yang terlatih iaitu menjadikan kesemuanya 15,000 tenaga mahir dan yang terlatih yang baru setiap tahun dari institut latihan perindustrian sahaja.

Sementara perancangan di Kementerian Sumber Manusia dijalankan dengan giat, kita harus tidak lupa bahawa agensi-agensi kerajaan lain seperti Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan beberapa Kerajaan Negeri serta Institut Kemahiran MARA juga akan memperhebatkan usaha-usaha mengeluarkan tenaga kerja mahir menerusi institut, sekolah vokasional dan teknikal di bawah tanggungjawab masing-masing.

**Tuan Fu Ah Kiow:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Satu masalah yang dihadapi oleh graduan kita dari institut latihan kemahiran ialah mereka tidak mendapat peluang melanjutkan pendidikan mereka ke tahap diploma. Pada masa kini, mereka cuma dapat certificate sahaja. Jadi, kalau mereka hendak melanjutkan pendidikan mereka ke tahap diploma, mereka memerlukan peluang dari kementerian supaya mereka dapat masuk ke politeknik. Sama ada kementerian bercadang untuk memberi mereka peluang untuk melanjutkan pendidikan ke tahap diploma?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Perkara tersebut sedang dikaji.

Saya ingin memaklumkan bahawa kandungan atau kurikulum latihan perindustrian di negara ini adalah diselaraskan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Selain daripada menyelaraskan kurikulum latihan, majlis ini juga menentukan standard kemahiran dengan penglibatan industri di dalam Jawatankuasa Penasihat Kemahiran Kurikulum dan sebagainya yang diwujudkan di bawah

MLDK. Standard kemahiran atau kurikulum yang digunakan oleh institut latihan di berbagai agensi untuk melatih belia-belia di dalam bidang-bidang yang berkenaan adalah selaras dengan standard majlis ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada diperhatikan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat saling kait-mengait pembangunan sumber manusia dengan sistem pendidikan negara. Saya tidak bercadang untuk mendalami hubung kait ini tetapi sekadar menjelaskan dengan ringkas bahawa aktiviti pendidikan hendaklah dibezakan dengan aktiviti latihan perindustrian kerana penekanan kedua-dua aktiviti amat berlainan. Pendidikan lebih menumpukan kepada pembangunan daya pemikiran, manakala latihan perindustrian lebih menekankan kepada pembangunan kemahiran yang diperlukan oleh industri. Oleh itu, kerja-kerja praktik dan amalan-amalan perindustrian diberi perhatian berat di dalam latihan perindustrian. Perbincangan dan kerjasama erat di antara kementerian-kementerian yang menjalankan pendidikan dan latihan memastikan setiap kementerian yang menjalankan program latihan perindustrian itu jelas akan kumpulan sasaran mereka serta saling lengkap-melengkapi dalam usaha-usaha untuk menambahkan tenaga mahir dan terlatih di dalam negara.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah mencadangkan supaya diadakan fast track programme misalnya memberi latihan kemahiran insentif kepada belia-belia yang kurang cenderung dalam bidang pelajaran sebagai satu pendekatan mengatasi segera masalah kekurangan tenaga kerja mahir. Pada hakikatnya program latihan seumpama ini telah

dilaksanakan tahun lepas tertumpu kepada pelajar-pelajar yang sedang menunggu keputusan peperiksaan SPM/SPVM dan lepasan SPM/SPVM.

Program latihan satu minggu itu dikenali sebagai Program Pendedahan Kemahiran bertujuan memberi pendedahan serta pengetahuan di atas kemahiran asas perindustrian untuk membuat pilihan kerjaya atau bidang latihan di masa akan datang. PPK itu telah dijalankan sebanyak dua kali pengambilan dan setiap pengambilan dapat menampung seramai 1,170 peserta. Peserta-peserta ini diberi latihan di 10 institut latihan perindustrian di bawah Kementerian Sumber Manusia di seluruh negara dan kos latihan mereka dibiayai sepenuhnya melalui pemberian makan minum dan tempat tinggal di asrama secara percuma. Bidang utama yang di tawarkan melalui PPK adalah bidang mekanikal, elektrikal, bangunan dan percetakan.

Di samping itu, fast track programme ini juga ditawarkan kepada sektor swasta untuk mendorong mereka terlibat secara aktif di dalam memberi latihan semula atau peningkatan kemahiran pekerja mereka. Program yang dikenali sebagai Time Sector Privatization Scheme ini membolehkan sektor swasta menggunakan kemudahan latihan di institut latihan awam dan bentuk peralatan dan tempat latihan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Minta sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*